

# 'ULAMA DAN PERUBAHAN SOSIAL DALAM ISLAM

Oleh

Prof. Madya Mohamad Kamil Hj. Ab Majid\*

## Abstract

*This article describes the definition of 'ulama and their roles in social change which can be seen clearly in both fields; education and leadership. It also discusses about a deep relationship between the institution of 'ulama and the Muslim's political order.*

## PENDAHULUAN

Perkataan 'ulama ialah kata jamak daripada perkataan Arab 'alim. Kata dasarnya 'Ilm. 'Ilm membawa makna pengetahuan. 'Ulama pula ialah mereka yang berpengetahuan.

Perkataan 'ulama tidak begitu banyak digunakan pada zaman awal Islam. Para sahabat dan tabi'in, secara keseluruhan adalah pewaris nabi yang melanjutkan perjuangan Rasulullah s.a.w. dalam mengajarkan ilmu pengetahuan, mendidik rohani dan mengembangkan ajaran agama.<sup>1</sup>

Istilah 'ulama secara meluas dikenali hanya selepas masyarakat Islam memerlukan tenaga pakar dalam berbagai lapangan.<sup>2</sup>

Walau bagaimanapun, teks al-Quran dan al-Hadith telah menggunakan perkataan tersebut. Al-Quran menggunakan dua kali perkataan 'ulama, iaitu:

\* Timbalan Pengarah Bahagian Pengajian Usuluddin dan Pensyarah di Jabatan Akidah & Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>1</sup> Walau bagaimanapun di kalangan sahabat-sahabat Rasulullah terdapat mereka yang khusus mempunyai kepakaran di bidang ilmu terdiri dari Umar Ibn al-Khattab, 'Ali Ibn Abi Talib, Abd. Allah Ibn Mas'ud, Abd. Allah Ibn 'Umar, Ibn Abbas, Zayd Ibn Thabit, dan isteri Rasulullah 'Aishah; Sila lihat: Ahmad Amin, *Fajr al-Islam*, cetakan 10, (Qahirah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah), 1965, hlm. 146, nama lain turut dimasukkan Mu'adh Ibn Jabal, Abu al-Darda', 'Abd. Allah Ibn Salam dan Salman al-Farisi, *Ibid*.

<sup>2</sup> Kepakaran sudah diketahui sejak zaman Sahabah lagi di mana contohnya Umar Ibn al-Khattab terkenal kepakarannya dalam bidang kehakiman dan perundangan, anaknya 'Abd-Allah Ibn Umar pula pakar dalam pengumpulan hadith, Abd-Allah Ibn Abbas, pakar di bidang tafsir dan sejarah, lihat, *Ibid*. hlm. 146 - 151.

Firman Allah (bermaksud):

*“(Tidakkah mereka yang musyrik sedarkan kebenaran itu) dan tidakkah menjadi satu keterangan kepada mereka bahawa pendita-pendita agama Bani Israil mengetahui akan kebenaran al-Quran itu?”<sup>3</sup>*

FirmanNya lagi (bermaksud):

*“Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang-orang yang berilmu”<sup>4</sup>*

Sementara hadith-hadith lebih banyak menggunakan perkataan ini. Contohnya sebuah hadith yang bermaksud:

*“Orang-orang berilmu itu adalah pewaris para nabi”<sup>5</sup>*

Sebuah hadith lain pula, maksudnya:

*“Tiga golongan yang akan memberi syafaat pada hari kiamat: nabi-nabi, orang-orang berilmu dan para syuhada”<sup>6</sup>*

Istilah ‘ulama digunakan dalam banyak lagi hadith lain. Ayat-ayat Quran pula ada yang memakai istilah lain dengan maksud makna ‘ulama. Contohnya:

Firman Allah (maksudnya):

*“Oleh itu, bertanyalah kamu kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui”<sup>7</sup>*

Firman Allah (maksudnya):

*“Katakanlah, adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pengajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna”<sup>8</sup>*

Firman Allah lagi (maksudnya):

*“Dan misal-misal perbandingan yang demikian itu Kami kemukakan dia kepada umat manusia, dan hanya orang-orang yang berilmu*

<sup>3</sup> Quran, al-Shu‘arā, 26:197.

<sup>4</sup> Quran, Fātir, 35:28.

<sup>5</sup> Lihat, Abu Dawūd, *Sunan*, Tahqīq: Muhammad Muhyi al-Dīn ‘Abd al-Hamīd (Misr: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā), 1950, cet. 11, 2: No. 3641.

<sup>6</sup> Riwayat Ibn Majah.

<sup>7</sup> Quran, al-Nahl, 16:43.

<sup>8</sup> Quran, al-Zumar, 39:9.

*sahaja yang dapat memahaminya”<sup>9</sup>*

‘Ilm diberi keutamaan dalam al-Quran di mana terdapat hampir 800 ayat yang merujuk kepadanya.<sup>10</sup>

## DEFINISI ‘ULAMA

Perkataan ‘*ulamā* dalam Bahasa Arab digunakan secara teknikal kepada orang-orang yang berpengetahuan dalam mana-mana bidang pengetahuan Islam. Misalnya Fiqh,<sup>11</sup> Kalam,<sup>12</sup> Hadith,<sup>13</sup> Tafsir,<sup>14</sup> dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, nama khusus diberikan pula kepada setiap bidang seperti *Faqih* kepada ahli di bidang Fiqh (hukum), *mutakallim* kepada ahli di bidang Kalam (teologi), *Muhaddith* kepada ahli di bidang hadith, dan *mufassir* kepada ahli-ahli tafsir. Namun begitu, pemakaian perkataan ‘ulama dari al-Quran tidaklah hanya khusus kepada ahli di bidang agama semata-mata, tetapi umum kepada mereka yang berkeahlilan di bidang masing-masing.

Sebagai contoh, pengertian ‘*ulamā* yang diungkap dalam surah Fatir, setelah Allah menyebut tentang manusia, binatang yang berbagai jenis dan warna, lalu Allah menyebut sesungguhnya yang takut dan bimbang daripada melakukan pelanggaran perintah Allah ialah orang-orang yang berilmu.<sup>15</sup>

Justeru itu, Sayyid Qutb menafsirkan ‘*ulamā* sebagai mereka yang memerhati alam yang aneh dan membawanya mengenal Allah sebagai makrifat yang hakiki. Mereka mengenal akan kesan-kesan penciptaan Tuhan, tahu akan kesan kekuasaan Allah s.w.t., malah merasai hakikat keagungan dengan melihat hakikat penciptaan. Di situ timbul rasa takut dan taqwa, malah pengabdian diri, dan bukannya takut dan kagum ajaib kepada kehebatan alam.<sup>16</sup>

Dengan ini, perkataan ‘*ulamā* terpakai kepada sesiapa sahaja yang mempunyai kualiti ilmu pengetahuan, pembelajaran dan sains dengan penguasaan yang paling

<sup>9</sup> Quran, al-Ankabut, 29:43.

<sup>10</sup> Al-Attas, S.M.N., (1977), *op.cit.*, hlm. 57.

<sup>11</sup> *Encyclopedia of Islam*, artikel “*Fikh*”, hlm. 102-107.

<sup>12</sup> *Ibid.*, hlm. 110-114, artikel “*Kalam*”.

<sup>13</sup> *Ibid.*, hlm. 116-121, artikel “*Hadith*”.

<sup>14</sup> *Ibid.*, artikel “*Tafsir*”.

<sup>15</sup> Quran, Fâtir, 35:28.

<sup>16</sup> Sayyid Qutb, *Fi-Zilal al-Qur’ân*, jilid V, h. 2943., lihat sama, Zakaria Awang Soh, *Kecanggihan Alam Semesta Antara Wahyu Dengan Pengetahuan Sains* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan), 1992, hlm. 67.

mendalam terhadap bidang-bidang dan jujur dalam mencari kebenaran.<sup>17</sup>

Definisi ini sama maksudnya dengan pendapat Mohd. Kamal Hassan yang melihat ‘ulama memiliki kaedah integrasi iman kepada Allah, ilmu yang bermanfaat, amal yang salih dan akhlak yang mulia yang semuanya didasarkan kepada doktrin tauhid; dalam mencari, mempelajari, mengajar dan mengembangkan ilmu pengetahuan.<sup>18</sup>

Namun demikian, perkataan ‘ulama dalam pemakaian biasa masyarakat Islam di Malaysia khususnya dan Nusantara umumnya dipersempit kepada keahlian di bidang keagamaan sahaja, iaitu mereka yang mengerti tentang hukum-hakam keagamaan, baik urusan ibadah mahu pun muamalah.<sup>19</sup> Fungsi mereka ialah mengajar, membimbing dan memimpin, sesuai dengan semangat “pewaris nabi”.<sup>20</sup>

Beberapa penulis Malaysia-Indonesia seperti H. Monawar Chalil, Muhammad Abu Bakar, Hasan Haji Idris dan lain-lain menggunakan istilah ‘ulama ini untuk merujuk kepada mereka yang berkebolehan dalam ilmu agama atau sebahagian daripada ilmu agama, yang dapat memahami kitab-kitab agama dan kitab-kitab yang ada kaitan dengannya, dan dapat pula mengajar kitab-kitab itu dengan cara atau kaedah tertentu yang boleh mengeluarkan fahaman atau hukum secara teliti dalam sesuatu masalah, serta beramal dengan ilmunya, melaksanakan ajaran-ajaran sekadar yang terdaya. ‘Ulama juga dikenali orang alim dan tuan guru.<sup>21</sup>

Di sini akan cuba dihuraikan idea-idea perubahan ‘ulama dan praktisnya sepanjang sejarah masyarakat Islam.

## ‘ULAMA DAN PERUBAHAN SOSIAL

Perubahan sosial Islam dimulakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. sendiri yang menjadikan rumah al-Arqam sebagai sekolah pertama dalam Islam. Malah rumah Rasulullah sendiri dijadikan tempat belajar ilmu. Rasulullah s.a.w. bertindak sebagai

<sup>17</sup> Gibb, Kramers, *Shorter Encyclopedia*, 1974, hlm. 559.

<sup>18</sup> Mohd. Kamal Hassan, “*Penghayatan Islam Dalam Mempelajari Dan Mengembangkan Ilmu*”, dlm. *Jurnal Pendidikan Islam*, bil. 3, September, 1985, hlm. 14.

<sup>19</sup> H. Munawar Chalil, *Peranan Ulama Dalam Masyarakat Dan Negara*, Pustaka Rahmat, t.t. hlm. 1. Cf. Zakaria Awang Soh, *op.cit.*

<sup>20</sup> Muhammad Abu Bakar, *‘Ulama Terengganu*, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 1991, hlm. 6. Ayat al-Quran, al-Jumaat ayat 2, menerangkan fungsi Nabi bukan setakat mengajar agama tetapi juga ilmu mengenai kehidupan (lihat, Majid Irsan al-Kaylani, *op.cit.*, hlm. 112. Cf., Muhammad al-Ghazali, *Turāthuna al-Fikrī Fi Mizan al-Shar‘ Wa-al-‘Aql* Cetakan 11, 1991).

<sup>21</sup> Haji Hasan Idris, “*Sumbangan ‘Ulama Dalam Bidang Pendidikan*”, *Dakwah*, (Kuala Lumpur: YADIM), Jan. 1983, hlm. 23. Lihat sama: H. Monawar Chalil, *op.cit.*, Muhammad Abu Bakar, *op.cit.*

guru dan pendidik pertama.<sup>22</sup>

Pengajaran Nabi Muhammad s.a.w. adalah yang bersangkutan dengan akidah, syariah dan akhlak. Keunikan pengajaran dan pendidikan beliau ialah dalam bentuk teori dan praktis sekaligus. Sikap dan tingkah laku yang ditunjuknya adalah contoh praktis kepada pengajaran yang diberikan.

Apabila berlaku hijrah Rasulullah s.a.w. ke Madinah, masjid mula didirikan. Ia bukan sekadar tempat ibadat tetapi sebagai pusat aktiviti sosial berbentuk keagamaan dan kemasyarakatan,<sup>23</sup> termasuk sebagai pusat pengajaran dan pendidikan.

Melalui institusi masjid, Rasulullah s.a.w melahirkan generasi ‘ulama di kalangan sahabat. Antara mereka yang mendapat didikan dan paling terkemuka di bidang ilmu ialah ‘Umar, ‘Ali, Ibn Mas‘ud, Ibn ‘Umar, Ibn Abbas, Zayd bin Thabit dan ‘A’ishah. Juga tokoh-tokoh seperti Mu‘adh, Abu-al-Darda’, Abu Dhar, Abu Musa al-Ash‘ari, Salman al-Farisi dan lain-lain.<sup>24</sup>

Rasulullah s.a.w. menghantar pula para ilmuan di kalangan sahabat ke bandar-bandar di Jazirah Arab seperti Yaman, Bahrain dan Makkah.<sup>25</sup>

Namun, krisis sosial dan usaha pembaharuan (*tajdid*) berlaku sebaik sahaja kewafatan Rasulullah s.a.w., Rajah yang dipaparkan oleh R. Hrair Dekmejian dalam bukunya *Islam in Revolution* (Lihat rajah di hal. 86) cukup menarik.

Dari rajah tersebut dapat disaksikan apa yang berlaku sepanjang 15 abad bangun jatuh umat Islam, di mana pada setiap masa itu ada respon ‘ulama melakukan pembaharuan. Ketika kejatuhan nilai-nilai Islam pada masa Amawiyyah, yang telah dipersetujui oleh ramai penulis seperti al-Maududi dan Malik Bin Nabi munculnya tokoh-tokoh ‘ulama seperti ‘Umar Ibn Ab. al-Aziz (m. 729M.), Abu Hanifah (699-767M.), Mālik Ibn Anas (714-798M.) dan munculnya gerakan ‘ulama Syiah dan revolusi Abbasiyyah (750M.).

Pada zaman Dinasti Abbasiyyah muncul pula tokoh-tokoh seperti Ibn Hanbal (750-855M.) dan al-Shafi‘i (767-854M.). Selain dari itu muncul juga aliran Syi‘ah Isma‘ili (al-Qaramitah - sekitar 890M.) yang dipimpin oleh Ubaydillah al-Mahdi (909M.).

<sup>22</sup> Ali, A., *Crisis in Muslim Education: Dichotomy of Traditional and Modern Systems* Dacca, Bangladesh, 1988, hlm. 7. Cf. Shalaby, 1954, hlm. 41., lihat sama, Dr. Abdullah Ishak, *Sejarah Perkembangan Pelajaran Dan Pendidikan Islam*, (Petaling Jaya: Al-Rahmaniah), 1989, hlm. 38.

<sup>23</sup> *Ibid.*, hlm. 37-39.

<sup>24</sup> Ahmad Amin, *op.cit.*, hlm. 146-150, lihat sama Hasan Langgulung, hlm. 16.

<sup>25</sup> *Ibid.*, hlm. 151.

Beberapa Peringkat Krisis Sosial dan Respons Islam

|            |                     |      |        |  |
|------------|---------------------|------|--------|--|
|            |                     |      | 2,000- | - 1979 Revolusi Islam - Khomeini<br>- 1928 Ikhwan Muslimun   |
|            |                     | 1736 |        | - 1900 aliran Salaf-Abduh (1849-1905) - Rashid Ridha (1865-1935)<br>- Al-Mahdi (1789-1898)<br>- Al-Afghani (1839-1897)<br>- Al-Muwahhidun-Abdul Wahab (1703-1791)<br>- Shah Ismail (1502-1524)<br>- Ibn Falah al-Mushasha-al-Mahdi (m. 1463)<br>- Ibn Kathir (1300-1373) |
| 'Uthmaniah | Safawi              |      |        | - Ibn Qaiyim al-Jawziyyah (m.1350)<br>- Ibn Taymiyyah (1263-1328)<br>- al-Hilli (1250-1325)<br>- al-Nawawi (1223-1277)   |
|            |                     | 1299 |        | - 1187 Turkey & Mongol-Salib-Hittin<br>Salahuddin al-Ayubi (1169-1193)   |
|            |                     | 1258 |        | - al-Qadhi Iyad (1088-1032)<br>- Ibn Salamah (m. 1032)   |
|            | 1171                |      |        | - Ibn Hazm (994-1064)  |
|            | al-Muwahhidun       | 1088 | --     | - Ubaidillah al-Mahdi (909-934) - kemunculan Ismail al-Shii<br>- al-Qaramitah (868-930)  |
|            | Fatimiyyah          | 1023 |        | - Ibn Hanbal (m. 855), Shafi'i (767-854)<br>- 750 Abbasiah/Revolusi Syiah  |
| Abbasiah   | Amawiyah di Andalus | 909  |        | Umar II (m.720) Abu Hanifah (699-767)<br>(Malik 714-798)   |
|            |                     | 827  |        | - Kematian Ali   |
| Anawiyyah  |                     | 756  |        | - Kewafatan Nabi Muhammad  |
|            | Problem khilafah    | 661  |        |  |
|            |                     | 632  |        |  |
|            |                     | 600  |        |  |

Pembaharuan-pembaharuan selanjutnya dilakukan oleh Ibn Hazm (m. 1063M.) ketika kelemahan kerajaan Amawiyyah di Andalusia, diikuti oleh Salah-al-Din al-Ayyubi (1171-1187M.) pada masa kejatuhan khilafah Fatimiyyah sehingga dapat mengalahkan tentera salib di Hittin pada tahun 1187M. Begitulah seterusnya ketika kehancuran kerajaan Abbasiyyah akibat serangan tentera Mongol. Tokoh ‘ulama yang terkenal Ibn Taymiyyah (1263-1328M.) muncul bersama murid-murid beliau seperti Ibn Qayyim al-Jawziyyah (m. 1350M.) dan Ibn Kathir (m. 1373). Mereka ini dianggap mewakili pembaharuan di kalangan ahli sunnah. Sementara itu mewakili aliran Syi’ah waktu itu ialah Ibn al-Mutahhir al-Hilli (1250M.) yang mengemukakan fahaman Syi’ah dalam akidah dan Syariah, khususnya aliran *Ithnā ‘Ashariyyah*.

Kemunculan kerajaan ‘Uthmaniyyah pula menandakan perpindahan kepimpinan umat Islam daripada tangan orang-orang Arab kepada bangsa Turki. Meskipun tidak ada pertalian keturunan nasab antara bangsa Turki dengan Nabi Muhammad s.a.w., Sultan Salim 1 menggelarkan dirinya sebagai khalifah yang kemudiannya diikuti oleh sultan-sultan selepasnya. Kekuasaan ‘Uthmaniyyah menjadi lemah selepas abad ke XVIIIM, oleh sikap membazir para sultan yang memerintah secara kekerasan. Inilah sebenarnya antara faktor mengundang gerakan Wahabi pada abad 12M., Mahdi dan Sanusi yang akan dibincangkan nanti.<sup>26</sup>

Ringkasnya, ‘ulama sejak dari zaman nabi Muhammad telah berfungsi membawa perubahan melalui ijtihad hukum-hukum baru yang menyentuh persoalan masyarakat. Mereka berbincang dengan pemerintah dan memberi nasihat. Malah mereka juga terlibat dengan kepimpinan sosial dan politik. Ada juga dari kalangan mereka yang memimpin negara seperti ‘Umar Ibn ‘Abd al-‘Aziz<sup>27</sup> dan Salah-al-Din al-Ayyubi.

## ‘ULAMA DAN PERUBAHAN SOSIAL MELALUI ILMU PENGETAHUAN

Gerakan keilmuan dari permulaan Islam hingga akhir pemerintahan kerajaan Amawiyyah mempunyai tiga aliran. Pertama, gerakan keagamaan, iaitu kajian-kajian agama dalam bidang Tafsir, Hadith dan Perundangan. Kedua, gerakan pensejarahan dan ketiga gerakan falsafah dalam ilmu logik, kimia, perubatan dan seumpamanya. Walaupun masih dalam bentuk yang agak belum tersusun ilmu-ilmu itu telah mula membentuk disiplinnya.<sup>28</sup>

<sup>26</sup> Hrair Dekmejian, *op.cit.*, hlm. 36-39.

<sup>27</sup> Ab. Aziz al-Badri, *op.cit.*, hlm. 12-14. Keterangan lebih lanjut lihat Abu-l-Ala al-Mawdudi, *Mujaz Tarikh Tajid-al-Din Wa-Ihya’ihī*, (Lubnan: Dar al- Fikr al-Hadith, Cet. III), 1968/1387 H., hlm. 63-69; lihat sama, Dr. ‘Imad al-Din Khalil, *Malāmih al-Inqilāb-al-Islāmī Fi Khilafah ‘Umar Ibn ‘Abd-al-Aziz*, cet. II, (Beirut: al-Dar al-Ilmiyyah), 1971.

<sup>28</sup> Ahmad Amin, *op.cit.*, hlm. 145.

Usaha para ‘ulama yang mendapat sokongan pihak pemerintah telah mampu mendirikan beberapa institusi pengajian termasyhur. Antaranya termasuklah Madrasah Nizāmiyyah di Naysabūr, Madrasah al-Mustansiriyyah di Baghdad, Madrasah al-Nāṣiriyyah di Kahirah dan Madrasah al-Nūriyah di Damshiq. Sekolah-sekolah tersebut lengkap dengan dewan kuliah, perpustakaan, asrama, rumah-rumah guru dan pekerja dan juga masjid. Kurikulumnya termasuklah Tauhid, ilmu Qur'an, Hadith, Falsafah, Astronomi, Tatabahasa, Kesusasteraan Arab, Fiqh Perbandingan dan lain-lain.<sup>29</sup>

Melalui usaha para ‘ulama, kemajuan ilmu pengetahuan dan bidang pendidikan Islam jelas kelihatan hingga mencapai tahap kemuncaknya pada zaman dinasti Umayyah di Sepanyol (711-1492H.) dan dinasti Abbasiyyah (750-1258M.). Kerajaan Abbasiyyah, terutama di bawah pimpinan khalifah Harun al-Rashid (786-809M.) dan al-Ma'mun (813-833M.) dianggap mencapai zaman keemasan, bukan sahaja ilmu di bidang agama tetapi juga ilmu-ilmu kehidupan.

Namun, dalam abad ke 12M., dunia Islam ditimpakan bencana intelektual dan ekonomi yang parah akibat serangan bangsa Mongol di bawah pimpinan Genghiz Khan (1167-1227M.) dan cucunya Hulagu Khan (1217-1267M.) yang menghancurkan tamadun Islam di Asia Tengah dan Barat. Tamadun Islam, sebuah tamadun yang dibina dengan susah payah selama enam abad, telah dibinasakan, termasuklah segala sistem pengairan, pusat-pusat pengajian dan perpustakaan. Serangan ini benar-benar melumpuhkan kekuatan ekonomi dan intelektual dunia Islam.<sup>30</sup>

Kepimpinan politik dan kepimpinan intelektual terlucut dari tangan umat Islam, menjadikan mereka terjajah. Satu penaklukan budaya yang meluas yang telah direncanakan dan dijalankan. Kaedah yang paling berkesan ialah melalui sistem pendidikan. Konsep kebudayaan sekular dan kebendaan akhirnya memasuki pemikiran Muslim menerusi media cetak dan elektronik seperti buku-buku teks sastera, drama, filem, radio, dan rancangan televisyen, kegiatan dan sekolah *missionary*, propaganda parti-parti politik dan penyebaran idea-idea seperti kapitalisme, sosialisme dan komunisme.<sup>31</sup> Penggunaan teknologi Barat telah mempercepatkan proses penaklukan pemikiran melalui penyebaran idea bahawa kemajuan kebendaan boleh dicapai hanya dengan membebaskan fikiran manusia daripada sikap keagamaan.<sup>32</sup>

<sup>29</sup> Abdullah Ishak, *op.cit.*, hlm. 46.

<sup>30</sup> Siddiq Fadil, “*Pengislaman Ilmu: Peranan Para Cendekiawan*”, *Jurnal Pendidikan Islam*, bil. 3, September 1985, h. 40.

<sup>31</sup> ‘Abdullah Naṣīḥ ‘Ulwān, *Tarbiyyah al-Awlād fi al-Islām*, J. 2, cet. VIII, 1985, hlm. 746-767.

<sup>32</sup> Mohd. Kamal Hassan (1985), *op.cit.*, hlm. 13, sila lihat sama Al-Attas, S.M.N, (1977), hlm. 97.

Kejayaan penjajahan Barat telah mengurangkan peranan ‘ulama dan sistem pendidikan sekular Barat digunakan membawa kesan kepada kekurangan perasaan keagamaan dan memperkuatkan sikap-sikap sekularis. Walau bagaimanapun, strategi ini tidak meresapi semua institusi pendidikan kerana golongan ‘ulama tradisional telah menjadikan sistem pendidikan tradisional sebagai benteng umat Islam.<sup>33</sup>

Sebelum lebih jauh mengkaji perubahan yang dibawa oleh ‘ulama, ada baik dibincangkan perkembangan ilmu pengetahuan yang ditangani oleh generasi ‘ulama dari berbagai peringkat, dan idea perubahan sosial yang mereka bawa.

Aliran pemikiran ‘ulama yang mula muncul dalam dunia Islam selepas zaman nabi dan sahabat ialah aliran ilmu Hadith dan Fiqh di Madinah yang dipimpin oleh Muhamad al-Baqir (m. 117H.), Ja‘afar al-Sadiq (m. 148H.) dan Imam Malik (m. 179H.). Di Mesir lahir pemikiran fiqh yang dipimpin oleh Murthad Ibn Abdullah dan al-Laiydh Ibn Sa‘d (m. 175H.). Di Iraq pula muncul Abu Hanifah (m. 150H.) yang membawa aliran fiqh dan di Mesir munculnya al-Shafi‘i (m. 240H.) serta al-Auza‘i muncul di Syam. Kesemuanya lebih terkenal di bidang Fiqh. Di samping itu, muncul ilmu al-Kalam dengan munculnya aliran Mu’tazilah yang dipimpin oleh Wasil Ibn ‘Ata’ (m. 131H.).

Apa yang menarik untuk dikemukakan di sini ialah tokoh-tokoh ‘ulama tersebut telah turut memperkatakan isu-isu semasa waktu itu yang berkait dengan pembangunan sosial; sebagai contoh Abu Hanifah (m. 150H./767M.) telah menerangkan perlunya kurikulum pendidikan yang relevan dengan keadaan semasa bagi membolehkan para pelajar menangani persoalan zamannya. Beliau tidak mahu terikat dengan kurikulum yang jumud. Para pelajar, menurut beliau, mestilah diberikan persiapan yang membolehkan mereka menyahut cabaran semasa. Tetapi Abu Hanifah tidak terlepas dari kecaman ‘ulama lain yang menganggap beliau cuba mengada-adakan sesuatu yang belum dilakukan pada zaman sahabat Rasulullah s.a.w.<sup>34</sup>

Namun Abu Hanifah mempunyai alasan yang cukup kuat untuk memperbaharui kurikulum pendidikan. Menurut beliau, persoalan zamannya waktu itu sudah berbeza dengan persoalan zaman para sahabat. Abu Hanifah bukan hanya seorang ahli teori. Beliau secara praktis mengadakan perubahan metod pengajarannya<sup>35</sup> bagi membawa perubahan sosial.

<sup>33</sup> *Ibid.*, lihat sama, Ali Jarishah, *Asalib al-Ghazw al-Fikri*, Dar al-I’tisam, Kahirah, t.t., hlm. 66-67.

<sup>34</sup> Majid Irsan al-Kaylani, *Tatawwur Mafhum al-Nazariyyah al-Tarbawiyyah al-Islamiyyah* Dar al-Turath, Madinah, cet. II, 1987/1407 hlm. 86-88.

<sup>35</sup> *Ibid.*

Metod Abu Hanifah ini telah diperaktis sama oleh muridnya Muhamad Ibn al-Hasan al-Shaibani, yang mahu memastikan ilmu pengetahuan yang dipelajari oleh para pelajar itu berkait rapat dengan kehidupan. Menurut beliau, syariat Islam bertujuan menyelesaikan masalah masyarakat, bukannya terasing dari masyarakat.<sup>36</sup> Mungkin inilah sebabnya maka *Qiyas, Ijtihad* dan *Istihsan* menjadi sumber-sumber bagi mendapatkan hukum dalam mazhab Hanafi yang dipimpin oleh Abu Hanifah dan muridnya Muhamad Ibn al-Hasan, kerana mereka mahu hukum Islam yang diijtihad hendaklah timbul dari realiti masyarakat semasanya.<sup>37</sup>

Imam Shāfi‘ī juga tidak mahu membataskan pengajaran ilmu kepada bidang Syariah sahaja, malah menganjur juga diajar ilmu sains. Beliau dukacita atas kecuaian umat Islam pada zaman itu yang meninggalkan pelajaran ilmu perubatan, dan menyerahkan ilmu tersebut kepada orang-orang Yahudi dan Kristian.<sup>38</sup>

Al-Shāfi‘ī juga mahu memasukkan ke dalam kurikulum pengajarannya ilmu-ilmu kemahiran memanah dan menunggang kuda. Beliau sendiri pernah mengajar kepada muridnya al-Muzani (m. 878M.) sebuah buku mengenai “Bab Berkuda dan Memanah”. Justeru itu, al-Shāfi‘ī dianggap bukan sahaja ahli di bidang Syariah, tetapi juga ahli perubatan, astronomi, sastera dan sejarah. Malah, kemahirannya berkuda dan memanah adalah dikagumi.<sup>39</sup>

Imam Malik sebelum itu pun cuba mengaitkan di antara kurikulum dengan keperluan semasa masyarakat. Oleh kerana itu apabila Abu Ja‘afar al-Mansur mengarah supaya kitabnya *al-Muwatā'* dijadikan rujukan hukum ke seluruh wilayah pemerintahannya, beliau tidak dapat menyetujuinya atas alasan bahawa setiap negeri-negeri Islam patut mengambil kira persoalan tempatan dan semasa.<sup>40</sup>

Oleh kerana pendidikan dan ilmu pengetahuan dianggap faktor terpenting kepada perubahan sosial, seluruh ‘ulama mengakui pentingnya penyebaran ilmu pengetahuan dan pendidikan kepada seluruh umat dan menganggap kejahilan sebagai musuh utama umat Islam.<sup>41</sup>

Gerakan intelektualisme mencapai kecemerlangan pada akhir abad ke-III dan awal abad ke-IVH. Ketika itu muncul Abu ‘Ali al-Jubba’i (235-303H.), Abu al-

<sup>36</sup> *Ibid.*, hlm. 89-90.

<sup>37</sup> Keterangan mengenai konsep ini menurut Abu Hanifah, sila lihat, Muhamad Abu Zuhrah, *Abū Hanifah*, Dar al-Fikr al-‘Arabi, t.t., hlm. 367-386, lihat sama ‘Umar Farrukh, *Abqariyyah al-Arab Fi-al-Ilm-wa-al-Falsafah*, cet. II, Beirut, 1952, hlm. 133.

<sup>38</sup> Al-Bayhaqī, *Maṇāqib al-Shāfi‘ī*, jil. 1, Kahirah, 1981/1391 hlm. 282.

<sup>39</sup> Majid Irsan al-Kaylānī, *op.cit.*, hlm. 91.

<sup>40</sup> Lihat, Ibn ‘Abd al-Barr, *Jāmi‘ Bayān al-‘Ilm*, jil. 1, Madinah, 1968/1388 hlm. 159, lihat sama Ahmad Amin, *Duhā al-Islām*, Vol. 1, cet. VIII, Qahirah t.t., hlm. 211, lihat sama.

<sup>41</sup> Abu Nu‘aym al-Asbahānī, *Hilyah-al-Awliyā'*, Qahirah, 1937/1356, jil. III, hlm. 196.

Hasan al-Ash‘arī (m. 330H.) dan al-Tahāwī (m. 322 H.) di bidang ilmu Kalam. Di bidang Fiqh, muncul Dawud al-Zāhirī (m. 240H.). Di bidang Tafsir dan Sejarah, muncul al-Tabari (m. 310H.) dan lain-lain lagi sehingga tempoh inilah dianggap zaman emas dalam tamadun Islam dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan.<sup>42</sup>

Dari kalangan tokoh-tokoh pendidikan, muncul Muhamad Ibn Sahnūn (m. 256H.) dan Muhamad Ibn Husayn al-Ujurri (m. 360H.), Alī Ibn Muhammad al-Qābisī (m. 403H.). Mereka membicarakan tentang teori-teori pendidikan yang turut menyumbang, di samping ahli-ahli falsafah pendidikan seperti al-Farabi, (339H.) Ibn Sina, Ibn Maskawih (m. 421H.) dan al-Ghazali (m. 505H.).

Sehingga zaman itu, ‘ulama menjadi bagitu fanatik kepada aliran masing-masing yang menimbulkan satu suasana jumud dan bertaklid. Ijtihad yang begitu subur sebelumnya telah ditentang; sehinggakan hal ini amat terasa apabila para ‘ulama hanya bertaqlid kepada pendapat-pendapat imam-imam mereka dan tidak begitu banyak merujuk kepada al-Quran dan Hadith-hadith. Akibatnya masyarakat menjadi statik malah undur ke belakang.

Di sini toleransi telah bertukar kepada fanatik. Fanatik mazhab merebak dari Baghdad, ke Sham, Iraq dan Hijaz dan melahirkan pertentangan pendapat antara para ‘ulama dari berbagai aliran, malah perbedaan kepada beberapa kumpulan dalam satu-satu aliran pemikiran itu, contohnya dalam bidang hukum dan ‘ilm al-Kalām.<sup>43</sup>

Kecemerlangan intelektualisme dunia Islam menjadi malap selepas kekalahan Baghdad di tangan tentera Tartar, yang dalam waktu sama juga menerima ancaman tentera Ṣalibiyah dari Barat.<sup>44</sup>

Melihat kepada sejarah perkembangan idea-idea perubahan yang dimulakan oleh Umar Ibn ‘Abd al-‘Aziz (61-101H.), diikuti pada zaman berikutnya oleh Imam-imam Mazhab; Abu Hanifah (80-150H.), Imam Malik (95-175H.), Imam Shafi‘i (150-204H.) dan Ahmad Ibn Hanbal (164-241H.).<sup>45</sup> Abu ‘Ala al-Mawdudi menyebut pembaharuan yang di bawa oleh tokoh-tokoh ini telah mewujudkan aliran berfikir yang kuat yang kesannya berkekalan hingga kini. Mereka membuat kesimpulan hukum-hukum dan mempraktis prinsip-prinsip Syara’ dalam realiti kehidupan yang

<sup>42</sup> Menurut keterangan Muhammad al-Sayyid Nu‘aym dan ‘Iwād-Alṣah Ḥijāzī, perkembangan ilmu malap dengan berakhirnya al-Ma’mun yang diganti oleh anaknya al-Mutawakkil. Bermula larangan mempelajari ilmu falsafah dan kajian-kajian teori lihat, *al-Falsafah al-Islamiyyah*, (Kahirah: Dar al-Tiba‘ah al-Muhammadiyyah), t.t. hlm. 131.

<sup>43</sup> Keterangan lanjut sila lihat, Muhammad al-Bahī, *al-Fikr al-Islamī fi Tatawwurihi*, (Beirut: Dar al-Fikr), 1971, hlm. 14-17. Cf., Taha Jabir al-‘Ulwani, “Muqaddimah” dlm. Muhammad al-Ghazali, *al-Ta‘āmul Ma‘a al-Qur’ān* (Washington: al-Ma’had al-‘Alami lil-Fikr al-Islami), 1990, hlm.

<sup>44</sup> *Ibid.*

tetap menjadi rujukan umat hingga kini.<sup>46</sup>

Imam al-Ghazali (450-505H./1058-1111M.) adalah satu lagi contoh pembaharu yang mendalami bidang akademik, agama, politik dan tamadun zamannya. Beliau bangun mengkritik pengaruh falsafah Greek yang begitu mempengaruhi umat Islam ketika itu. Beliau membongkar faktor kelemahan teori falsafah itu dan mengajak umat Islam kembali kepada al-Quran dan sunnah.<sup>47</sup>

Gerakan-gerakan pembaharuan seterusnya dibawa oleh ‘ulama seperti Ibn Taymiyyah (661-728H./1262-1327M.), Muhammad Ibn ‘Abd-al-Wahab, Syaikh Ahmad al-Sirhindi, Shah Waliyullāh al-Dīhlawī, Muhammad Ibn Ali al-Sanusi dan para pembaharu berikutnya, hingga kepada Jamal al-Din al-Afghani, Abduh, Iqbal, al-Banna dan al-Maududi.<sup>48</sup>

Tetapi sebelum itu pun kerajaan Fatimiyyah yang menguasai Mesir pada tahun 358 H. telah mulai mengasaskan Universiti al-Azhar. Tujuan pembinaannya ialah untuk menjadikannya sebagai tempat perhimpunan para jamaah di bawah kerajaan Fatimiyyah dan sekaligus menjadi saingan kepada khalifah di Baghdad. Pada tahun 361H., al-Azhar dirasmikan.<sup>49</sup> Al-Azhar telah diasaskan bukan sahaja sebagai tempat ibadat, tetapi juga sebagai tempat mengajar ilmu-ilmu hukum serta undang-undang kerajaan Fatimiyyah.<sup>50</sup> Turut diajar sama ialah ilmu-ilmu bahasa, sastera, al-Qur‘an, Falsafah, matematik dan astronomi. Masjid juga dijadikan tempat ucapan politik.

Di samping al-Azhar, di Kahirah turut didirikan sebuah perpustakaan besar Dar al-Hikmah pada 390H., dengan koleksi buku-buku ilmiah yang begitu banyak.<sup>51</sup>

Pada masa pemerintahan Mamluk (648-784H./1250-1382M.) al-Azhar diberi tanggungjawab supaya mempastikan pengetahuan bahasa Arab terus hidup kerana rakyat Mamluk menggunakan dialek Turki, di samping mengajarkan ilmu dan intipati asas al-Quran sebagai undang-undang dalam kehidupan dan sosial.<sup>52</sup>

Selepas kejatuhan Baghdad dan Andalusia, Kahirah menjadi tumpuan para ‘ulama Islam, dan al-Azhar mempunyai prestasi yang cukup tinggi. ‘Ulama-‘ulama

<sup>46</sup> *Ibid.*

<sup>47</sup> *Ibid.*, hlm. 78-79.

<sup>48</sup> Untuk perbincangan menarik tentang urutan perkara ini sila lihat, R. Hrair Dekmejin, *Islam in Revolution*, terj. ‘Abd al-Warith Sa‘id, “*al-Usuliyyah fi al-‘Alam al-‘Arabi*”, 1989.

<sup>49</sup> Keterangan lanjut lihat, Muhammad al-Bahi, *al-Fikr al-Islami Fi Tatawwurihi*, (Beirut: Dar al-Fikr), 1971, hlm. 14-17.

<sup>50</sup> *Ibid.*

<sup>51</sup> A.S. Salamon, *Azhar and Politics*, cet. 1, Al-Rahmaniah, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 7, Ahmad Amin, (1966), hlm. 188-189 & 194.

<sup>52</sup> *Ibid.*, hlm. 13.

ketika itu dianggap sebagai golongan perantaraan di antara pemerintah dengan rakyat serta merapatkan jurang antara keduanya. Ini kerana tradisi ‘ulama Sunni yang menghormati pemerintah dan pemerintah sendiri sentiasa mendampingi para ‘ulama.<sup>53</sup>

Apabila kerajaan ‘Uthmaniyyah memerintah Mesir selepas kejatuhan Mamluk, al-Azhar masih berperanan melahirkan ramai ‘ulama dalam bidang syariah dan begitu berpengaruh di Mesir dan di luar Mesir. ‘Ulama ini memegang jawatan penting dan berpengaruh kepada masyarakat umum.

Malah menurut al-Jabarti, pada tahun 1161H./1747M., di al-Azhar turut diajar juga ilmu-ilmu lain seperti matematik bagi menyahut keperluan semasa.<sup>54</sup>

Ketika menakluk Mesir, Napoleon Bonaparte terpaksa menghormati para ‘ulama al-Azhar dan menganggap mereka sebagai golongan elit yang bijak dalam bidang ilmu bahasa, sains dan agama. Napoleon menganggap mereka sebagai pemimpin rakyat.<sup>55</sup> Malah, Napoleon selalu mengingatkan tenteranya supaya tidak campur tangan dalam urusan agama dan menghormati para ‘ulama al-Azhar.<sup>56</sup>

Selain dari menyebarkan ilmu para ‘ulama al-Azhar turut terlibat dalam pemberontakan terhadap Perancis, yang berakhir dengan kekalahan Perancis di tangan British yang dipimpin oleh Nelson.

Menyentuh tentang peranan ‘ulama al-Azhar dalam penyebaran ilmu sebagai agen perubahan, nama Muhammad Abduh tidak boleh diketepikan kerana beliaulah yang mengadakan reformasi pendidikan dan pengajaran dengan memasukkan ilmu-ilmu baru dan mengubah kurikulum lama dengan kurikulum yang lebih sesuai dengan perkembangan semasa.

## RASULULLAH S.A.W, PARA SAHABAT DAN PERUBAHAN SOSIAL: JIHAD DAN IJTIHAD SEBAGAI ASAS

Perubahan sosial Islam yang mula dilakukan oleh Rasulullah s.a.w., kemudiannya menjadi ikutan kaum muslimin merupakan perubahan menyeluruh secara rohani, intelektual dan fizikal. Ia menjadikan umat Islam bebas dari keinginan kebendaan semata-mata. Umat Islam sanggup mengorbankan apa sahaja untuk perjuangan. Ini

<sup>53</sup> *Ibid.*, hlm. 15.

<sup>54</sup> Abd. al-Rahmān al-Jabartī, ‘*Ajāib al-Athār fi-al-Tarājim wa-al-Akkābār* Vol. 1, Qahirah, t.t. hlm. 192-194.

<sup>55</sup> A.S. Salamon, *op.cit.*, h. 12; Dalam konteks perubahan dunia Islam kedatangan Napoleon ke Mesir merupakan sebab dunia Islam kembali sedar kelemahan mereka berhadapan dengan Barat yang dahulunya menjadi murid kepada dunia Islam.

<sup>56</sup> *Ibid.*

juga membuat mereka mampu dan sentiasa bersedia untuk mengorbankan apa sahaja bagi mencapai idealisme yang berasas kepada pandangan hidup (*World View*) Islam. Lebih jauh, mereka sanggup berhijrah meninggalkan tanahair asal mereka, demi mempertahankan idealisme itu.<sup>57</sup>

Yathrib, yang kemudian bertukar menjadi kota Madinah, telah menerima ajaran Islam dan turut pula memperjuangkan idealisme baru. Hijrah kaum muslimin dari Makkah ke Yathrib (Madinah) menemukan dua golongan Muhibbin dan Ansar dalam satu masyarakat baru. Masyarakat baru yang terdiri dari penduduk Makkah dan Madinah inilah yang menjadi benih kewujudan umat Islam yang akhirnya berkembang ke seluruh pelusuk dunia.<sup>58</sup>

Sebagai pemimpin berkarisma, Rasulullah s.a.w. mendidik umat secara teliti, dengan penekanan kepada perubahan ke arah memahami dan menghayati ilmu, mendalamai agama di samping sentiasa mengkritik diri (*muḥāsabah*).<sup>59</sup>

Perubahan secara revolusi yang dilakukan oleh nabi Muhammad s.a.w. kepada jiwa kader-kader perubahan ini cukup dikagumi. Malah, ia diakui sendiri oleh orientalis Barat seperti Lothrop Stoddard<sup>60</sup> yang mengatakan bahawa kebangkitan Islam adalah suatu peristiwa paling menakjubkan dalam sejarah manusia. Dalam tempoh masa yang singkat perubahan Islam mampu menghancurkan kerajaan-kerajaan besar, memusnahkan beberapa agama besar, yang telah dianut sekian lama. Perubahan Islam mewujudkan revolusi berfikir dalam jiwa bangsa-bangsa, dan sekaligus membina satu dunia baru, dunia Islam.<sup>61</sup> Malah, ia dianggap sebagai pembebasan kemanusiaan yang hakiki yang merubah perjalanan sejarah.<sup>62</sup>

<sup>57</sup> Abu al-Hasan Ali al-Nadī, *Madhā Khasir al-‘Aalam bi-Inhiṭāt al-Muslimin*, Cet. 10, Dar al-Qalam. Kuwait, 1977, hlm. 97.

<sup>58</sup> Keterangan lanjut mengenai perkembangan awal Islam sila lihat, Mustafa al-Siba'i, *al-Sirah al-Nabawiyah: Durus wa-Ibar*, cet. V, (Beirut: al-Maktab Dirasah fi al-Sirah, cet. VI, (Beirut: Mu'assa'ah al-Risalah), 1982, Muhammad Ruwas Qal'aji, *Al-Tafsir al-Siyasi lil-Sirah*, (Beirut: Dar al-Salam), 1979; Muhammad Husin Haykal, *Hayah Muhammad*, (Mesir: Dal-Ma'rif), cet. XII, 1974, Muhamad al-Ghazali, *Fiqh al-Sirah*, cet. VI, (Qahirah: Dar al-Kutub al-Hadithah), 1965.

<sup>59</sup> *Ibid.*, hlm. 98.

<sup>60</sup> Beberapa orientalis agak bersifat objektif apabila membincangkan Islam seperti H.A.R. Gibb, A.J. Arberry dan Arnold Toynbee. Malah ada pula yang lebih jujur akhirnya menganut Islam seperti Muhamad Asad, M.M. Pickthal, Maryam Jameelah, T.B. Irving dan lain-lain.

<sup>61</sup> Lothrop Stoddard, *The New World of Islam*, London, Chapman and Hall Ltd. 1922, h. 1; H.M. Muljadi Djojomartono (terj.), "Dunia Baru Islam", Djakarta, 1966, hlm. 11.

<sup>62</sup> Sayyid Qutb, *Dirāsat Islāmiyyah*, (Beirut: Dar al-Shuruq), t.t. hlm. 24.

Apa yang menarik di sini ialah bagaimana perubahan Islam yang berteraskan ilmu dan pendidikan jihad dan ijtihad telah menjadikan kaum muslimin begitu dinamik; mampu menguasai roh, jiwa, dan mampu memberi kesan menyeluruh kepada perubahan secara total, malah mempengaruhi perubahan kehidupan kepada manusia sejagat.

Islam yang ditunjangi oleh rohani (iman) itu merupakan institusi akhlak dan pendidikan jiwa yang dapat memberikan kemahuan yang kuat dan jiwa yang kental, sehingga orang yang benar-benar berkemahuan kuat ini sanggup mengakui kesalahannya di hadapan undang-undang tanpa paksaan dan mendedahkan dirinya untuk dihukum secara sukarela kerana takutkan kemurkaan Tuhan dan siksaan di akhirat.<sup>63</sup>

Idealisme Islam jugalah menjadikan kumpulan awal umat Islam yang digelar *sahābah Rasūlullāh* itu beramanah, berani, zuhud dan memiliki sifat-sifat keutamaan yang cukup tinggi.

Kepimpinan Rasulullah s.a.w. yang memang berkesan itu mampu melahirkan suatu generasi sahabat yang mengagumkan bukan sahaja dalam sejarah Islam, malah sejarah umat manusia keseluruhannya di mana tidak pernah begitu ramai bilangan orang yang mempunyai kualiti yang begitu tinggi muncul dari satu tempat dalam jangka waktu yang sama.<sup>64</sup>

Kepimpinan Rasulullah s.a.w. menampilkan tokoh-tokoh besar seperti Umar Ibn al-Khattāb, pentadbir berwawasan tinggi yang mampu menghancurkan takhta Kaisar di Rome dan Kisra di Farsi; Khalid Ibn al-Walid, panglima perang yang disegani; Abu ‘Ubaydah yang menghalau Herkulis di Syam dan memaksanya memberikan selamat tinggal kepada bumi Syria; ‘Amar Ibn al-‘Aas seorang diplomat yang pintar yang membuka negeri Mesir; Sa‘d Ibn Abu Waqqāṣ yang mampu menawan Iraq dan Iran; Salman al-Fārisī yang amat zuhud walaupun setelah menjadi pemerintah di ibu negeri Farsi, dan banyak sahabat nabi yang lain, yang mahir dalam percuakan, kepenyairan, retorik dan sebagainya.<sup>65</sup>

Malah nabi Muhammad s.a.w. meninggalkan murid-muridnya dari kalangan ‘ulama yang ramai seperti ‘A’isyah bint Abu Bakr, ‘Abdullah Ibn Mas‘ud, Zayd Ibn Thabit dan ‘Abdullah Ibn ‘Abbas. Dari madrasah mereka lahir munculnya ‘ulama-ulama tabi‘in seperti Imam-Imam Abu Hanifah, Malik, Shafi‘i, Ahmad Ibn Hanbal,

<sup>63</sup> Abū al-Hassan al-Nadwī, *op.cit.*, hlm. 101-102; Cf. Malik Bin Nabi, *Wijhat al-‘Alam al-Islami*, *op.cit.*

<sup>64</sup> Sayyīd Qutb, *Ma‘alim fi al-Tariq*, t.c., 1967/1386, hlm. 11.

<sup>65</sup> Abu al-Hasan, al-Nadwi, *op.cit.*, hlm. 119-120. Cf. Ibn Qayyim, *Zad al-Ma‘ad*, jil. 1, (Qahirah: al-Maktabah al-‘Asriyyah), t.t. hlm. 29-41.

al-Awza'i, Sufyan al-Thawri, dan lain-lain.<sup>66</sup>

Nabi Muhammad s.a.w., seperti kata Abu al-Hasan al-Nadwi, telah berupaya membuka perbendaharaan yang ajaib, mengguna potensi dan kebolehan luar biasa pada zaman awal Islam yang tetap tercatat di dada sejarah.<sup>67</sup>

Khulafa' al-Rashidun selepasnya, seperti juga Rasulullah s.a.w., telah memainkan peranan memperkuat kerohanian, akhlak, agama dan ilmu umat Islam pada zaman mereka bagi membangun tamadun. Kerajaan pimpinan Khulafa' al-Rashidun (yang juga adalah para 'ulama) mengatasi kerajaan-kerajaan lain se zamannya bukan sahaja dari aspek akhlak dan agama, tetapi juga dari aspek penghasilan sumber-sumber kekayaan ekonomi tanpa boros dan membazir. Kerajaan-kerajaan ini mampu menjamin keadilan sosial kepada rakyat melaksanakan tanggungjawab sosial yang sesuai dengan ajaran al-Qur'an.<sup>68</sup>

Dalam tiga abad pertama sejarah Islam iaitu zaman *sahābah*, *tābi'īn* dan *tābi'* *al-tābi'īn*, wilayah Islam merupakan wilayah yang paling maju dan memiliki peradaban yang amat tinggi. Pemerintahannya penuh dengan kota-kota indah, masjid-masjid megah, di mana-mana terdapat pusat pengajian, di dalamnya tersimpan peradaban-peradaban dan hikmah-hikmah lama yang bernilai tinggi. Kecemerlangan Islam di Timur merupakan hal yang kontras sama sekali dengan dunia Kristian Barat, yang waktu itu masih tenggelam dalam zaman yang gelap.<sup>69</sup>

Jelasnya, tamadun Islam yang diasaskan oleh Nabi Muhammad dan Khulafa' al-Rashidun merupakan satu fasa baru dalam sejarah agama dan akhlak, malah fenomena baru dalam dunia politik dan sosial.<sup>70</sup> Tamadun ilmu dan perjuangan jihad membawa manusia ke arah kebebasan, keadilan dan persamaan.<sup>71</sup>

Bagi Abu al-Hasan Ali al-Nadwi, kejayaan kepimpinan Islam di peringkat awal dimungkinkan oleh gandingan jihad dan ijihad di kalangan penganut Islam.<sup>72</sup> Malah, ia adalah juga hasil kepimpinan yang berkesan dan berkarisma dari Rasulullah s.a.w. dan para khalifahnya.

Apabila roh jihad dan kekuatan ijihad hilang dari khalifah-khalifah dan para 'ulama pada zaman Bani Umayyah dan Bani Abbasiah, berlakulah penyelewengan

<sup>66</sup> Keterangan lanjut lihat, Muhibbu al-Din al-Khatib, *Ma'a al-Ra'iil al-Awwal*, (Kahirah: al-Matba'ah al-Salafiyyah), cet. V, 1390 H. hlm. 62-87.

<sup>67</sup> Abu Hasan 'Ali al-Nadwi, *op.cit.*

<sup>68</sup> *Ibid.*, hlm. 125-133.

<sup>69</sup> L. Stoddard, (1922), *op.cit.*, hlm. 3; (1966), *op.cit.*, hlm. 15.

<sup>70</sup> *Ibid.*, (1966), hlm. 135.

<sup>71</sup> Mustafa Abd al-Wahid, *op.cit.*

<sup>72</sup> Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi, *op.cit.*

demi penyelewengan seperti pemisahan agama dari politik.<sup>73</sup> Ini lebih nyata terjadi apabila pemerintahan dipegang oleh mereka yang tidak berkelayakan dari segi ilmu dan agama. Maka, kepimpinan mereka tidak lagi berkesan. 'Ulama hanya sekadar menjadi penasihat yang didengar nasihat mereka jika ada kepentingannya. Politik mula terlepas dari pengaruh agama dan timbulah sikap menentang dari kalangan 'ulama terhadap khalifah-khalifah yang menyeleweng dari ajaran Islam itu. 'Ulama yang lain pula mula mengasingkan diri dari politik.<sup>74</sup> Ketika itu, pegawai kerajaan malah khalifah sendiri tidak lagi mencerminkan contoh tauladan dari segi keagamaan dan ahlak. Malah peranan *al-amar bi 'l-ma'rūf wa'-n-nahyu 'an-al-munkar* dari 'ulama juga sudah kurang keberkesanannya kerana ia menjadi kerja sukarela tanpa sokongan pemerintah.<sup>75</sup> Di situ lah sebenarnya bermula zaman kemalapan Islam.<sup>76</sup>

Krisis kepimpinan yang serius berlaku apabila pemerintahan bani Umayyah tidak diterima lagi oleh sebilangan besar umat Islam, sehingga tercetusnya pemberontakan-pemberontakan yang memecahkan kesatuan politik umat Islam.

Kekuatan umat Islam menyerlah setiap kali muncul tokoh yang dianggap sebagai mujaddid. Mujaddid Islam pertama ialah 'Umar Ibn 'Abd al-'Aziz (m. 101H./720M.). Beliau adalah seorang 'ulama dari kalangan Bani Umayyah yang sampai ke kemuncak kekuasaan dalam usia tiga puluh tujuh tahun dan mampu mengadakan reformasi (*Islāh*) berdasarkan Islam seperti zaman Khulafa' al-Rashidun sebelumnya.<sup>77</sup> Malah, beliau sendiri diberi jolokan Khulafa' -al-Rashidun yang kelima.

Namun suasana itu tidak lama. Khalifah Islam selepasnya telah menyimpang dari idealisme Islam. Akibatnya berlakulah perpecahan kesatuan politik umat Islam yang lebih parah.

Kerajaan Bani Umayyah akhirnya terpaksa tunduk pada kekuatan Bani Abbasiyyah. Tetapi Bani Abbasiyyah juga turut menerima pukulan hebat sehingga pecahnya kekuasaan Islam dan muncullah Khalifah Islam di Kordova, Andalusia dan Afrika Utara.<sup>78</sup>

<sup>73</sup> *Ibid.*, hlm. 147. Hal ini mula berlaku di masa pemerintahan Yazid bin Mu'awiyah. Keterangan yang menarik boleh dilihat, IIIT, *Islāmiyyah al-Ma'rīfah*, (Washington).

<sup>74</sup> Ja'far al-Sadiq sebagai contoh awal, lihat Muhammad Abu Zuhrah, *al-Imam al-Sādiq*, Dar-al-Fikr-al-'Arabi, t.t., hlm. 40.

<sup>75</sup> Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwī, *op.cit.*, hlm. 147-148.

<sup>76</sup> Lihat bab 1.

<sup>77</sup> R. Hrair Dekmejian, *op.cit.*, h.35, lihat sama, Abu al-A'la-al-Maududi, *Mujaz Tarikh Tajdid al-Din Wa Ihya'i hi*, Dar al-Fikr al-Hadith - Lebanon, cet. III, 1968/1387H. hlm. 63, Dr. Imad-al-Din Khalil, *Malamih al-Inqilāb al-Islāmī*, cet. II, Beirut, 1971; hlm. 83-191.

<sup>78</sup> Lothrop Stoddard, *op.cit.*

Tidak lama kemudian muncul pula khalifah baru di Mesir, khalifah Fatimiyyah. Khalifah di Baghdad semakin merosot hingga akhirnya mereka kalah kepada khalifah yang terdiri daripada kalangan bangsa Turki.<sup>79</sup>

Walaupun kemerosotan praktis Islam dalam pemerintahan khalifah-khalifah itu, namun para ‘ulama masih terus memainkan peranan keilmuan dan kepimpinan intelektual.

## PERUBAHAN SOSIAL DALAM ISLAM MELALUI KEPIMPINAN BERKARISMA

Pada masa pemerintahan Bani Abbasiyyah juga, penyelewengan pemerintahan berlaku, terutama apabila Mu‘tazilah dijadikan aliran rasmi negara dari zaman al-Ma’mun (m.218H.) hingga kepada zaman pemerintahan al-Mutawakkil (m. 247H.). Tetapi para ‘ulama seperti al-Shafi‘i dan Ahmad Ibn Hanbal masih tetap dianggap pemimpin intelektual umat mengembangkan asas-asas hukum Islam<sup>80</sup> pada masa itu.

Penolakan khalifah al-Mutawakkil kemudiannya terhadap Mu‘tazilah tidak mematikan aliran tersebut. Ia terus dianuti sehingga kemunculan ‘ulama besar ilm-al-Kalam, Abu Hasan al-Ash‘ari (m. 324H.) yang berjaya mendedahkan penyelewengan Mu‘tazilah.

Aliran Asha‘irah yang dipimpin oleh Imam al-Ash‘ari ini juga tidak terlepas dari kelemahan apabila ia diterap oleh pengikutnya dengan falsafah Greek sehingga akidah Islam dijadikan oleh ‘ulama satu dogma yang lemah tidak dinamis seperti akidah Islam di zaman awal. Ia lebih merupakan akidah yang telah dicemari oleh unsur-unsur asing.

Di sini terserlah peranan ‘ulama yang memimpin intelektual umat seperti al-Ghazali (m. 505H.)<sup>81</sup> yang menguasai ilmu-ilmu falsafah Greek, akhirnya berjaya melumpuhkan cabaran falsafah yang menyesatkan.<sup>82</sup>

Fahaman falsafah Greek yang dibawa ke dalam ilmu-ilmu Islam, terutama dalam ilmu kalam, dihentam habis-habisan dalam bukunya *Tahāfut al-Falāsifah*. Karya agungnya *Ihyā’ Ulūm al-Dīn* adalah usaha beliau bagi memurnikan ajaran

<sup>79</sup> *Ibid.*, hlm. 16.

<sup>80</sup> R. Hrair Dekmejian, *op.cit.*, hlm. 36.

<sup>81</sup> Al-Ghazali melakukan tajdid intelektual, keterangan lanjut lihat, Mawdudi,*op.cit.*, hlm. 78-84.

<sup>82</sup> R. Hrair Dekemenjian, *op.cit.*, h. 37, bandingkan, Siddiq Fadil, “Da‘i: Pembina ‘Aqidah Pembangun Ummah” dlm. *Koleksi Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM*, Dewan Pustaka Islam, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 78.

Islam yang pada al-Ghazali telah kehilangan rohnya yang perlu dibangunkan semula.<sup>83</sup>

Namun, abad ke VIIH. menyaksikan cabaran lebih berat yang dihadapi oleh umat Islam. Umat Islam diancam oleh tentera salib dari Eropah. Peperangan ini memakan masa yang lama kira-kira 600 tahun.

Peperangan Salib akhirnya berjaya dimenangi oleh umat Islam di bawah pimpinan *Salahuddin al-Ayyubi*, seorang pemimpin yang memiliki sifat cekal, kuat azamnya, ikhlas, bertekad tinggi, bersemangat jihad, dan kuat beragama. Semangat jihad yang dicetuskan oleh *Salahuddin* mampu mengalahkan tentera Salib di *Hattin* tahun 583H./1187M. dan memaksa gencatan senjata pada tahun 588H./1192M.

Selepas kematian *Salahuddin*, dunia Islam tidak mampu lagi melahirkan tokoh-tokoh berkarsma seumpamanya yang menyebabkan sekali lagi tentera Salib mengalahkan kerajaan Islam yang lemah itu tahun 1213M.

Di Timur, dalam waktu yang sama, kerajaan ‘Abasiyyah menghadapi tentera Tartar. Menjelang akhir abad ke 12-M Jenghiz Khan membuat gerakan merampas dunia. Serangan ini berakhir dengan kekalahan umat Islam di tangan Hulago Khan di abad XIIIIM., menjadikan umat Islam dalam kekacauan politik dan sosial yang parah. Namun, ketika itu dunia Islam sekali lagi mampu menampilkan seorang ‘ulama mujaddid, *Ibn Taymiyyah* (m. 166-728H./1263-1328M.) bersama murid-muridnya *Ibn Qayyim* (m. 1350M.) dan *Ibn Kathir* (1373M.),<sup>84</sup> yang mengadakan ijtihad dan mencetus semangat jihad.

*Ibn Taymiyyah* dianggap oleh Muhammad al-Bahi sebagai orang yang mencipta dan mempopularkan konsep “kembali kepada al-Qur'an” dalam menangani perubahan Islam. Kemudian konsep tersebut diikuti oleh para mujaddid dan reformis selepasnya. *Ibn Taymiyyah* inginkan umat kembali kepada kemurnian Islam tanpa diceraiberai oleh perselisihan mazhab dan perbezaan aliran fahaman dalam ilmu kalam, Tasawuf dan Fiqh. Beliau menyeru umat Islam supaya kembali bersatu merujuk al-Qur'an dan al-Sunnah.<sup>85</sup>

Dunia Islam sekaligus menerima pukulan hebat di Timur dan di Barat. Di

<sup>83</sup> *Ibid.* *Bukunya Ihyā' Ulūm al-Dīn* bermaksud: “*Menghidupkan Ilmu-ilmu Agama*” kerana umat Islam sudah meninggalkan tafsiran murni Islam dan amat terpengaruh kepada ilmu-ilmu asing seperti falsafah Greek.

<sup>84</sup> R. Hrair DeKenejian, *op.cit.*, hlm. 38, lihat sama L. Stoddard, *op.cit.*, hlm. 22.

<sup>85</sup> Ajaran salaf bermaksud ajaran pada zaman nabi Muhammad, sahabat dan generasi 300 tahun awal Islam yang belum dicemari oleh unsur luar yang banyak. Keterangan lanjut lihat, Mohamad Kamil Hj. Ab. Majid, *Beberapa Aspek 'Ilm al-Kalam Mengikut Ibn Taymiyyah*, Media Ilmu, Kajang, Selangor, 1993.

Timur tentera Tartar berusaha memusnahkan peradaban dan kebudayaan. Usaha manusia selama 800 tahun di Baghdad dihancurkan. Dalam pertempuran *Las Naras de Tolosa* pada tahun 1213 M., Islam di Sepanyol terus hancur.<sup>86</sup>

Kekalahan kerajaan ‘Abbasiyah di Baghdad digantikan oleh kerajaan ‘Uthmaniyyah.<sup>87</sup> Kelahiran yang menandakan perpindahan kekuatan Islam dari bangsa Arab ke bangsa Turki.<sup>88</sup> Turki yang memimpin dunia Islam berjaya menghapuskan Bizantium dengan penaklukan Konstantinopel. Empayar Turki mengalahkan kerajaan Islam di timur dari Farsi ke Moroko. Empayar Turki ini tegak dengan sifat-sifat mereka yang kuat, berani dan tabah.<sup>89</sup>

Eropah yang sebelum ini berada dalam kemunduran mulai bangun dan menuju kemajuan yang nyata ke tingkat peradaban yang lebih tinggi. Kristian Barat melakukan gerakan kebangkitannya. Di samping, itu mereka menemui Amerika dan jalan laut ke India. Penemuan ini sungguh amat tinggi nilainya.<sup>90</sup> Sementara dunia Islam sedang tenggelam di bawah penindasan Mongol dan tentera Turki.

Lothrop Stoddard menegaskan bahawa kebangkitan Barat menjadikan Eropah lebih bersemangat. Ia melebur rantai abad pertengahan yang sebelumnya membelenggu kemajuan mereka selama ini, justeru kerana kemajuan ilmu pengetahuan membawa ke arah zaman moden.<sup>91</sup>

Di sini dapat disimpulkan bahawa mana-mana bangsa yang mampu menguasai ilmu pengetahuan dan memantapkan ideologinya, bangsa itulah yang akan menguasai perubahan-perubahan dan dapat mencipta tamadun tinggi seperti yang dapat disaksikan dalam sejarah yang berlaku kepada tamadun Islam dan tamadun Barat. Apalagi, jika sesuatu bangsa itu dipimpin oleh tokoh karismatik. Apabila tidak ada lagi penguasaan ilmu pengetahuan, pemantapan ideologi dan tiada pemimpin karismatik, maka tamadun akan jatuh. Inilah yang dimaksud oleh Allah (s.w.t.) dengan perubahan sikap manusia.<sup>92</sup>

Dunia Islam yang dipimpin oleh raja-rajanya yang sentiasa membazir dan kejam akhirnya semakin lemah. Ketika itu muncul pula gerakan-gerakan baru untuk

<sup>86</sup> Dr. Muhammad al-Bahi, *Al-Fikr al-Islami al-Hadith wa Silatuhu bi al-isti'mar al-Gharbi*, cet. V, Dar al-Fikr, Beirut, 1970, hlm. 59. Lihat sama, Qamaruddin Khan.

<sup>87</sup> L. Stoddard, (1922), *op.cit.*, hlm. 15, (1966). *op.cit.*, 24.

<sup>88</sup> R. Hrair Dekemejian, *op.cit.*, hlm. 39.

<sup>89</sup> L. Stoddard, (1922), *op.cit.*, hlm. 16; (1966), *op.cit.*, hlm. 25.

<sup>90</sup> *Ibid.*, hlm. 25.

<sup>91</sup> *Ibid.*

<sup>92</sup> Quran: al-Ra'd, 13:11, untuk huraihan lanjut terhadap persoalan ini lihat, Jawdat Sa'id, *Hatta Yughayyiru Ma-bi-Anfusihim*, *op.cit.*

memurnikan Islam yang diselewengkan itu. Antaranya gerakan Wahabi,<sup>93</sup> Sanusi<sup>94</sup> dan Mahdi.<sup>95</sup>

Kebekuan politik turut menjadikan pusat-pusat pengajian beku. Para ‘ulamanya tidak bermaya lagi, malah menjadi jumud dan bertaklid. Pegawai-pegaawai pemerintah yang curang memeras dan merampas. Rakyat menjadi patah semangat hatta untuk bekerja dan berusaha. Sektor pertanian dan perdagangan amat merosot sekali.<sup>96</sup>

Dalam masa sedemikian muncul dari tengah-tengah padang pasir di Jazirah Arabia, Muhammad Ibn ‘Abd al-Wahab<sup>97</sup> memanggil umat kembali kepada ajaran Islam yang murni. Muhammad menggerak umat memperbaiki rohaniah yang lumpuh dan membangkitkan nostalgia kemegahan dan kebesaran yang dahulu. Beliau yang mendapat ilham dari Ahmad Ibn Hanbal<sup>98</sup> dan Ibn Taymiyyah,<sup>99</sup> berusaha

---

<sup>93</sup> Wahabi gelaran yang diberikan kepada gerakan pembaharuan yang dipimpin oleh Muhammad Ibn ‘Abd al-Wahhab. Gerakan ini bertujuan mengajak umat Islam kembali kepada Islam seperti yang diamalkan oleh generasi awalan sahabat, tabi‘in dan tabi‘ al-tabi‘in, membersihkan akidah tawhid daripada sebarang bentuk syirik, menegah daripada tawassul dengan wali-wali dan orang yang sudah mati, dan menolak sebarang bentuk bid‘ah dan khurafat dalam agama. (Sila lihat, Dr. ‘Abd al-Hamid ‘Umayrah, *Tasawwur al-Da‘wah al-Islahiyah*), hlm. 7.

<sup>94</sup> Sanusi bertujuan melakukan pembangunan kerohanian yang menyeluruh dalam seluruh dunia Islam berdasarkan al-Qur‘an dan al-Sunnah. Gerakan ini mendapat pengaruh dari ajaran Imam Ahmad Ibn Hanbal, al-Ghazali, Ibn Taymiyyah dan Muhammad Ibn ‘Abd al-Wahhab. Berbeza dari Wahabi gerakan ini lebih menghormati tariqah tasawwuf. (Lihat: Nicola A. Ziada, *Sanusiyah*, Leiden, E.J. Brill,) 1958.

<sup>95</sup> Gerakan al-Mahdi berkembang di utara Sudan pada kurun ke-19. Tujuannya mengajak umat Islam kembali kepada al-Qur‘an dan al-Sunnah, memperbetulkan akidah, membebaskan diri dari perkara karut. Mereka juga mengajak berjihad. (Sila lihat: Abd al-Rahman Ibn ‘Abd al-Rahim, *Muhadarat fi Tarikh al-‘Arab al-Hadi wa al-Mu‘asir*, hlm. 64-66).

<sup>96</sup> L. Stoddard (1966), *op.cit.*, hlm. 29.

<sup>97</sup> Muhammad Ibn ‘Abd al-Wahhab, dilahirkan pada tahun 1115H. dan meninggal dunia tahun 1206H. Lahir di ‘Uyainah di daerah Najd, Arab Saudi. Anak kepada seorang kadi mazhab Hanbali, berguru kepada Syaikh Sulayman al-Kurdi dan Muhammad Hayat al-Sindi, dan mengembara ke Basrah, Baghdad, Kurdistan, Hamadzan, Isfahan. Akhirnya membawa satu aliran pembaharuan yang dikenali sebagai Wahabi. (Lihat: Ahmad Amin, *Zu’ama’ al-Islah fi al-Asr-al-Hadith*, Kahirah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah), 1965; Sa‘idi, *al-Mujaddidun fi al-Islam*, L. Stoddard, *op.cit.*, Gibb H.A.R. dan J.H. Kremers, *op.cit.*

<sup>98</sup> Ahmad Ibn Hanbal, (164 H.-241H. / 780 M.-855M.) pengasas Mazhab Hanbali, terkenal di bidang Hadith dan Fiqh. Berpendirian teguh mempertahankan prinsip sehingga diuji begitu teruk di zaman Ma’mun, al-Mu’tasim dan al-Wathiq. Pembaharuan beliau ialah menghidupkan amalan salaf bagi mempertahankan kebenaran. (Lihat: ‘Abd. al-Mut‘al al-Sa‘idi: *op.cit.*, hlm. 131-133).

memurnikan Islam dari penyelewengan dan bid'ah dengan cara kembali kepada al-Qur'an.<sup>100</sup>

Muhammad Ibn 'Abd al-Wahab bekerjasama dengan Muhammad Ibn Sa'ud untuk membawa kembali kesatuan politik dan keagamaan seperti yang wujud pada zaman nabi s.a.w. Namun, kejayaan Wahabi hanya sekejap sahaja apabila ia dikalahkan oleh Muhammad Ali,<sup>101</sup> pemerintah 'Uthmaniyyah di Mesir tahun 1819M.<sup>102</sup>

Walau bagaimanapun, Wahabi berjaya memerangi kelemahan dalaman umat Islam yang sebelum itu banyak di pengaruhi oleh golongan Bātiniyyah,<sup>103</sup> dan penyelewengan di kalangan ahli-ahli Tasawuf.<sup>104</sup> Ertinya, kekalahan politik tidak menafikan kejayaan mereka dalam segi sosial.

Wahabi bolehlah disifatkan sebagai berjaya menyebarkan benih-benih kebangkitan semula Islam dan mempengaruhi umat Islam sampai ke India Utara, Libya, Sudan, Mesir dan Iraq, malah sampai ke Indonesia dan Malaysia. Di India Utara misalnya, Sayyid Ahmad (m.1831M.) memulakan Jamaah Muslimin Punjab sehingga berjaya menujuhan sebuah kerajaan.<sup>105</sup> Tetapi kerajaannya dihancur oleh kaum Sikh sekitar tahun 1883M. Namun begitu ketika Inggeris datang menakluki Punjab, Sayyid Ahmad menghadapi ancaman dari sisa-sisa pengikut aliran Wahabi itu.

---

<sup>99</sup> Ibn Taymiyyah, nama sebenarnya Taqi al-Din Ahmad Ibn 'Abd al-Halim (661 H.-728H./1292M.-1327M.). Beliau dipenjarakan lima kali kerana mempertahankan kebenaran dan dianggap tokoh yang menghidupkan ajaran Ahmad Ibn Hanbal.*Ibid.*

<sup>100</sup> R. Hrair Dekemenjian, *op.cit.*, hlm. 40.

<sup>101</sup> Muhammad Ali (1769-1849M.) berbangsa Albania dan menjadi tentera sultan Ottoman. Diakui seorang genius dan sebagai pengasas Mesir moden. Lihat: Drs. Muh. Mastury, "Muhammad Ali Pasha" dlm. *Al-Jami'ah*, No. 10, IAIN, Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 1975, hlm. 55-62.

<sup>102</sup> R. Hrair Dekemenjian, *op.cit.*

<sup>103</sup> Batiniyyah ialah kumpulan Syi'ah Isma'iliyyah yang disandarkan kepada pengasasnya Ismail b. Ja'far al-Sadiq. Mereka digelar Batiniyyah kerana berpendapat yang al-Qur'an mempunyai makna batin, atau mengakui adanya pemimpin (Imam) batin. Keterangan lanjut: Dr. Muhammad Husin al-Dhahabi, *al-Tafsir wa-al-Mufassirun*, jil. II, cet. III, (Qahirah: Maktabah Wahbah,) 1985M./1405H., hlm. 227.

<sup>104</sup> Muhammad al-Bahi, *op.cit.*, hlm. 80. Malik Ben Nabi juga turut melihat gerakan tasawuf sebagai fenomena zaman kelemahan umat Islam. Lihat: *Wijah al-'Alam al-Islami*, *op.cit.*, hlm. 35.

<sup>105</sup> Aziz Ahmad, *Studies In Islamic Culture in the Indian Subcontinent*, (Oxford: Clarendon Press), 1969, hlm. 215.

Sebelum itu, gerakan tajdid di India yang dipelopori oleh Shah Waliyullah al-Dihlawi (m. 1762M.),<sup>106</sup> yang dikatakan amat mirip kepada pandangan-pandangan Ibn Taymiyyah, telah berusaha menyelesaikan kemerosotan umat Islam dari segi akidah, akhlak mahupun tuntutan Islam yang lain.<sup>107</sup> Al-Dihlawi telah mengenalpasti unsur-unsur yang melemahkan umat, iaitu terhapusnya sistem khilafah dan kehilangan semangat jihad dan berleluasanya taqlid. Perjuangan al-Dihlawi dan pengikutnya telah mengembalikan semula amalan jihad.<sup>108</sup>

Muhamad Ali al-Sanusi<sup>109</sup> yang terpengaruh dengan Ahmad Ibn Hanbal (m. 241H.), al-Ghazali (m. 505H.) dan Ibn Taymiyyah (m. 728H.) mengadakan pembaharuan. Pembaharuan yang dibawa beliau mendapat sambutan hangat dari seluruh pelosok Afrika Utara sehingga mengejutkan pemerintah Islam Turki di Tripoli. Hubungannya dengan pemerintah semakin buruk, hingga beliau terpaksa memindahkan markasnya ke selatan padang pasir Libya. Meskipun beliau meninggal 1859M., tetapi organisasinya tersebar meluas di Afrika Utara.<sup>110</sup> Usahanya berjaya membawa perubahan akhlak dan kerohanian sehingga beribu-ribu orang bukan Islam yang berada di Afrika masuk Islam.<sup>111</sup>

Menurut Stoddard, di negeri-negeri Arab, pengikut Tariqat Sanusi mempunyai pengaruh rohani yang cukup penting sampai ke kota-kota suci Makkah dan Madinah.<sup>112</sup>

---

<sup>106</sup> Shah Waliyullah al-Dihlawi adalah anak Shah Abd al-Rahim. Selepas belajar dengan bapanya, belajar di Makkah. Beliau bermazhab Hanafi tetapi amat menghormati mazhab Shafi'i. Pandangannya samada dalam hukum dan pemikiran banyak mengambil jalan kompromi antara mazhab. Beliau amat menekankan keperluan jihad dan ijihad. Keterangan boleh dilihat, Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam Masa Kini*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka), 1987, hlm. 173-176.

<sup>107</sup> Abu Ala al-Maududi, *op.cit.*, hlm. 101-120, lihat sama: Abdul Hayei Abdul Shukor, “*Sumbangan Shah Waliyullah al-Dihlawi Kepada Ilmu Hadith dan Pengaruhnya Di Kelantan*”, Thesis P.hD. (1988), Universiti Malaya, hlm. 69.

<sup>108</sup> Abdul Hayei Abdul Shukor, hlm. 70. lihat sama: Manzooruddin Ahmad, *op.cit.*, hlm. 331.

<sup>109</sup> Muhamad Ibn ‘Ali al-Sanusi, pengasas gerakan Sanusi. Lihat keterangan lanjut “*al-Harakat al-Sanusiyyah*” dlm. Dr. Muhammad al-Bahi, *al-Fikr al-Islami fi Tatawwuruh*, Dar al-Fikr, 1971, hlm. 91-110.

<sup>110</sup> L. Stoddard, (1966), *op.cit.*, hlm. 53; bandingkan, Muhammad Uthman El-Muhammadi, “*Pergerakan al-Sanusiyyah*”, *Pengasuh*, bil. 346, Julai 1965, hlm. 31.

<sup>111</sup> *Ibid.*

<sup>112</sup> *Ibid.*, hlm. 53-56. Keterangan lanjut mengenai perkembangan selanjut gerakan ‘ulama Algeria, sila lihat: Salah El-Din El-Zein El-Tayeb, “*The ‘Ulama and Islamic Renaissance in Algeria*”, dlm. *The American Journal of Islamic Social Science*, Vol. 6, No. 2, 1989, hlm. 257-288.

Dua penekanan diberikan dalam perubahan itu, iaitu membina generasi muda Islam dengan didikan Islam sebenar dengan turut menyertakan latihan ketenteraan, dan menyebar Islam kepada umum di kalangan orang Islam dan bukan Islam.<sup>113</sup>

Gerakan ini akhirnya bersifat revolusioner dan menentang penjajahan dengan jihad tahun 1915-1923M. Mereka melakukan serangan dan penentangan habis-habisan terhadap penjajah Itali, tetapi akhirnya tumpas. Di antara ketua tenteranya yang terkenal ialah Umar al-Mukhtar.<sup>114</sup> Semasa di bawah pimpinan al-Mahdi, al-Sanusiyyah mencapai kejayaan. Ia mengajar penganutnya bekerja kuat dan bersungguh-sungguh. Perubahan yang dibawa ialah memajukan tanah-tanah yang dahulunya tidak diusahakan dengan menjadikannya kawasan pertanian dan perdagangan.<sup>115</sup>

Seruan al-Sanusi dapat disimpulkan sebagai seruan kembali kepada al-Qur'an dan al-Sunnah yang benar serta memahami Islam berdasarkan dua sumber tersebut dan jauh dari kefanatikkan mazhab. Beliau menggerak ke arah ijihad,<sup>116</sup> dan menekankan ilmu dan amal.<sup>117</sup>

Di Sudan pula tokoh 'ulama yang amat terkenal ialah Muhammad Ahmad b. Abdullah al-Mahdi (m. 1885M.) dan Uthman Podio. Mereka bangun menggerakkan jihad dan melemahkan sendi-sendi kekuasaan Inggeris.<sup>118</sup> Gerakan al-Mahdi mengajak umat kembali menegak agama Allah dengan kembali kepada al-Qur'an dan al-Hadith.<sup>119</sup>

Pada awal abad XIX muncul tokoh 'ulama yang terkenal Sayyid Jamal al-Din al-Afghani (1838-1897 M.).<sup>120</sup> Jamal al-Din banyak mengembara; dari India, Mesir,

<sup>113</sup> Salah El-Din El-Zein El-Tayeb, *Ibid.*

<sup>114</sup> *Ibid.*

<sup>115</sup> Nocola A. Ziadeh, *Sanusiyyah*, Leiden E.J. Brill, 1958., Muhammad Uthman El-Muhammadi, *op.cit.*, hlm. 78.

<sup>116</sup> Mahmud al-'Aqqād, *al-Islām Fi-al-Qarn al-'Isyrīn*, cet. 1, Kahirah, hlm. 81., lihat sama, Salah El-Din El-Zein El-Tayeb, *op.cit.*

<sup>117</sup> Muhsin 'Abd. al-Hamid, *al-Fikr-al-Islami*, Baghdad, 1987, hlm. 84., Cf. Salah El-Din El-Zein El-Tayeb, *op.cit.*

<sup>118</sup> L. Stoddard, (1966), *op.cit.*, hlm. 50.

<sup>119</sup> R. Hrair Dekmejian, *op.cit.*, hlm. 40-41.

<sup>120</sup> Jamal al-Din al-Afghani seorang yang pintar dan berkeperibadian tinggi. Beliau menjadi reformis yang melawan tamadun Barat dan falsafah materialisme Barat. Keterangan lanjut lihat; Amin Uthman, *Ruwwad al-Wa'yi al-Islami* (Kahirah: Dar al-Qalam) 1961, hlm. 10-40, lihat sama: Abul-Hasan Ali al-Husni al-Nadwi, *al-Sira' Bayn al-Fikrah al-Islamiyyah wa al-Fikrah al-Ghabiyah* (Kuwait: al-Dar al-Kuwayriyyah), cet. II, 1968, hlm. 108-109, A. Muin Umar "Gerakan-Gerakan Pembaharuan Dalam Islam" dlm. *al-Jami'ah*, No. 10, th. XIII (Yogyakarta: Institut Agama Islam Negeri Sunan Kalijaga) 1975, hlm. 8.

Hijaz, Iraq, Iran, Istanbul di timur, membawalah ke London, Paris, Munich dan Russia di Barat. Pengembaraan ini mendedahkannya kepada pemerhatian terhadap perbezaan yang jauh antara umat Islam dengan bangsa-bangsa Barat yang bukan beragama Islam. Pengembaraan ini menimbulkan kesedaran beliau untuk menggerakkan politik umat Islam bagi menentang Barat yang sedang menjajah.

Isu yang dibangkit oleh beliau ialah konsep pembebasan umat daripada penjajahan. Beliau juga turut mengkritik pemerintahan Islam di Istanbul, Iran atau di Mesir yang tidak memberikan kebebasan bersuara kepada umat. Beliau lantas mengajak umat membuang perselisihan sesama mereka, terutama di antara ahli Sunnah dan Syi‘ah, untuk menguatkan dunia Islam.<sup>121</sup>

Berbeza dengan Muhammad ‘Abd al-Wahhāb dan al-Sanūī sebelumnya, Jamāl al-Dīn kurang mempersoalkan agama dalam bentuk hukum. Beliau berbicara sebagai seorang ‘ulama politik. Menurut Stoddard, dia adalah orang Islam pertama yang menyedari sepenuhnya akan bahaya dominasi Barat. Oleh kerana itu Jamāl al-Dīn mengabdikan dirinya untuk memperingatkan dunia Islam akan ancaman Barat itu.<sup>122</sup>

Mungkin hal yang demikianlah menyebabkan Jamāl-al-Dīn al-Afghānī dianggap sebagai pembela golongan tertindas dan tertekan. Dia dianggap mengajukan “*appeal*” kepada orang-orang bukan Islam yang menentang Barat.<sup>123</sup>

Malah, kajian al-Afghānī yang mendalam terhadap ilmu-ilmu Islam, terutama sejarah Islam dan perkembangan tamadun serta pula memahami keadaan semasa dan terlibat secara langsung dalam pertentangan pemikiran, politik dan ketenteraan, menjadikan pengaruhnya lebih luas dalam perubahan Islam. Muhsin ‘Abd-al-Hamīd menganggap beliau sebagai pengasas metodologi *tajdīd* dalam ilmu tafsir dan juga yang membuka pemikiran Muhammad Abduh bagi memperbaiki reformasi pendidikan di al-Azhar.<sup>124</sup>

Perjuangan al-Afghānī yang menyeru ke arah Pan-Islamisme dan menentang imperialism Barat, telah diperteguhkan lagi oleh muridnya Muhammad Abduh. Muhammad Abduh memperjuangkan ke arah pembebasan berfikir dan memecah kebekuan taklid. Apa yang membezakan Muhammad Abduh dari gurunya Jamāl-al-Dīn al-Afghānī bahawa Muhammad Abduh lebih menumpukan kepada perubahan sosial melalui pendidikan.

<sup>121</sup> Muhammad al-Bahī, *op.cit.*, 78-79 dan 82-83.

<sup>122</sup> Stoddard, (1966); *op.cit.*, hlm. 61.

<sup>123</sup> A. Muin Umar, *op.cit.*

<sup>124</sup> Muhsin ‘Abd-al-Hamīd, *op.cit.*, hlm. 70-71.

Muhammad Abd-Allāh Darrāz mengatakan reformasi pendidikan Abduh, khususnya di al-Azhar, antara lain, ialah menghidupkan semula ilmu-ilmu yang selama ini diabaikan, seperti ilmu matematik, kejuruteraan, sejarah, astronomi, khat dan sebagainya. Beliau juga memantapkan kembali ilmu-ilmu Tauhid, Mantiq, Hadith dan Akhlak yang selama ini diajar secara pendekatan yang ketinggalan zaman. Beliau memilih guru-guru yang benar-benar berkelayakan serta memberikan ganjaran yang sesuai dan wajar. Muhammad Abduh sendiri turut mengajar ilmu-ilmu *Tafsīr*, *Mantiq*, *Tawhīd* dan *Balāghah* di al-Azhar.<sup>125</sup>

Muhammad Abduh menekankan soal pendidikan umat bagi memahami kehidupan. Beliau juga berusaha mendidik bakal-bakal pemimpin melalui reformasinya di al-Azhar. Beliau mahukan umat memelihara hak mereka dan dapat hidup setanding dengan pihak-pihak lain, tanpa ada rasa hina diri. Muhammad ‘Abduh sendiri percaya pembaharuan dan perubahan sosial boleh berlaku melalui pendidikan dan ijtihad.<sup>126</sup>

Pemikiran ‘Abduh terus dilanjutkan oleh muridnya Sayyid Rashid Ridā, terutama melalui *Tafsīr Al-Manār*. Fikiran ‘Abduh turut mempengaruhi sama ‘Abd-al-Ḥamīd Ibn Bādis di Algeria, Al-Tāhir Ibn ‘Asyūr di Tunisia, Al-Marāghi, Shaltut, Abu Zuhrah dan Sayyid Qutb di Mesir, juga al-Mawdudi di Pakistan.<sup>127</sup>

Sayyid Rashid Ridā seperti tokoh-tokoh sebelumnya lebih dikenali sebagai pembawa aliran Salaf yang menitikberatkan “reformasi” ajaran-ajaran agama murni serta mengharmoniskannya dalam kehidupan kemasyarakatan dan politik.<sup>128</sup> Aliran Salaf ini mendasarkan seluruh hukum dan semua ajaran agama pada dua pokok utama, iaitu al-Quran dan al-Sunnah.<sup>129</sup>

## PERUBAHAN ISLAM DI ASIA TENGGARA

Seperti al-Afghani sebelumnya, pengaruh Muhammad ‘Abduh juga bukan kecil, terutama bila dihubungkan dengan aliran pembaharuan di Nusantara. Majalah *Al-Manār* yang diusaha bersama muridnya Rashid Ridā, bukan sahaja membawa pengaruh yang kuat di Asia Barat sahaja, malah turut mempengaruhi umat Islam di

<sup>125</sup> Muhammad ‘Abd Allāh Darrāz, *Dirāsāt Islāmiyah*, Dar al-Qalam, Kuwait, 1973M/1393H., hlm. 178-180.

<sup>126</sup> Muhammad al-Bahi, *op.cit.*, hlm. 189.

<sup>127</sup> Muhsin ‘Abd. al-Ḥamīd, *op.cit.*, hlm. 76.

<sup>128</sup> Stoddard, (1966); *op.cit.*, hlm. 297-298.

<sup>129</sup> *Ibid.*, hlm. 299.

Nusantara, melalui pelajar-pelajar Melayu yang belajar di Mesir dan juga di Makkah.<sup>130</sup>

Di Indonesia, gerakan Salaf telah masuk di sekitar tahun 1802M. lagi, ketika kepulangan Haji Miskin dan rakan-rakannya dari menunaikan ibadah haji ke Minangkabau. Mereka yang mula mengadakan perubahan masyarakat secara radikal, dan dalam banyak hal menggunakan kekerasan, sehingga terjadi perperangan antara mereka dengan pemerintah Belanda.<sup>131</sup>

Usaha pembaharuan mereka ini kemudiannya diteruskan oleh ‘ulama-‘ulama yang digelar dengan “Kaum Muda”,<sup>132</sup> dipelopori oleh Syekh Muhamad Abdullah Ahmad (1878-1933M.), Syekh Abdul Karim Amrullah (1879-1945M.), Syekh Muhamad Djamil Djambek (1860-1947M.), Syekh Muhammad Ibrahim Musa Prabele (1884-1963M.), Syekh Hadji Muhammad Thaib Umar (1874-1920M.) dan lain-lain. Mereka ini pula mengadakan ceramah, pengajian madrasah dan sekolah, terutama pasentren-pasentren yang dinamakan Sumatra Thawalib. Mereka turut menerbitkan majallah-majallah seperti *Al-Munīr* (1918 M.), *al-Bayān*, *Al-Imām*, *Al-Bashīr*, *Al-Ittiqān* dan lain-lain.<sup>133</sup>

Haji Miskin yang terpengaruh dengan ajaran Muhammad ‘Abd al-Wahhab ini memberikan penekanan bagi pergerakan reform umat Islam Indonesia, membanteras khurafat dan bid’ah yang dipengaruhi oleh ajaran Hinduisme dan Budhisme.

Pada tahun 1909M., method pendidikan baru dimulakan seperti yang digunakan di Mesir. Beberapa buah sekolah didirikan dengan menggunakan bahasa Indonesia dan bahasa Arab. Bermula dari peringkat rendah, menengah dan menengah atas, bahkan sampai peringkat tinggi. Kebanyakan para perintis ini adalah lepasan Mesir dan Makkah. Sistem pengajian di al-Azhar dijadikan contoh. Buku-buku pelajaran yang dipakai termasuk *Bidāyat al-Mujtahid*, *Zad-al-Ma‘ād*, *Tafsīr al-Manār*, *Risālah al-Tawhīd* dan lain-lain karangan tokoh-tokoh aliran Salaf.<sup>134</sup>

Apa yang penting disebut di sini ialah bahawa, gerakan aliran Salaf ini telah menggongang kedudukan penjajahan Belanda di Indonesia. Penjajah cukup bimbang

<sup>130</sup> A. Mukti Ali, *Alam Pemikiran Islam Modern Di Indonesia*, Yayasan Nide, Jogjakarta, 1971, hlm. 9.

<sup>131</sup> L. Stoddard, *op.cit.*, hlm. 303.

<sup>132</sup> Kaum Muda, gelaran yang diberikan kepada ‘ulama pembaharuan yang melihat agama bukan sekadar ibadat, tetapi juga meliputi persoalan sosial, budaya dan seluruh aspek kehidupan. Mereka ini mendukung konsep Islah dan Tajdid.

<sup>133</sup> *Ibid.*

<sup>134</sup> *Ibid.*

dengan pergerakan mereka, sehingga Belanda mengawasi semua kegiatan agama, baik yang berupa dakwah maupun pendidikan di sekolah-sekolah.

Di Jawa, "Perkumpulan Jam'iah Khair" bergerak di sekitar tahun 1905M. Dari sini ia mempengaruhi Kiyai Haji Ahmad Dahlan dan kawan-kawannya, yang pada 1912M. menubuhkan persyarikatan Muhammadiyah.<sup>135</sup>

Gerakan Muhammadiyah ditubuhkan pada 1912M., diikuti oleh pertubuhan *al-Islāh* (1914M.), *al-Irshād* (1923M.) dan juga *Persatuan Islam (Persis)*. Tetapi Muhammadiyah merupakan organisasi yang lebih tersusun dan teratur. Haji Ahmad Dahlan, seorang 'ulama yang belajar di Makkah telah diberi kepercayaan memimpin. Beberapa pertubuhan Islam telah dibubar untuk bersama menjadi cawangan Muhammadiyah.<sup>136</sup>

Perlembagaan Muhammadiyah menegaskan tujuan pertubuhan tersebut ialah untuk menyucikan agama Islam daripada sebarang campur aduk faham dan keyakinan serta amal perbuatan yang tidak bersumber pada ajaran Islam. Ia juga berusaha agar umat Islam memahami ajaran Islam yang sebenarnya dan beramal menjalankan perintah dan ajaran Islam seutuhnya, menurut ajaran dan contoh teladan yang telah diberikan oleh Rasulullah (s.a.w), tanpa ditambah atau dikurangi atau dicampur dengan adat kebiasaan yang tidak bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah.<sup>137</sup>

Sebagai kesinambungan dari perjuangan Salaf, Muhammadiyah berusaha membangun, memelihara dan memegang teguh kepada agama Islam dari semua peringkat, iaitu diri, keluarga dan masyarakat yang sungguh-sungguh adil, makmur, bahagia, sejahtera, aman sentosa, lahir dan batin dengan naungan dan rida Allah.<sup>138</sup>

Pengaruh Jamāl al-Dīn al-Afghānī, Muhammad‘Abduh dan Sayyid Rashid Rida,<sup>139</sup> telah juga sampai ke Semenanjung Tanah Melayu melalui beberapa tokoh

---

<sup>135</sup> *Ibid.*, hlm. 306.

<sup>136</sup> *Ibid.*

<sup>137</sup> H.M. Daris Tamim Darso Josopranota, *Penjelasan dan Pelaksanaan Anggaran Dasar Muhammadiyah*, Yogyakarta, 1980, hlm. 2.

<sup>138</sup> Mustafa Kamal, *Muhammadiyyah Sebagai Gerakan Islam*, Yogyakarta, 1984, hlm. 32.

<sup>139</sup> Keterangan lanjut gerakan ini sila lihat Abdul Rahman Haji Abdullah, *op.cit.*, hlm. 221-223.

seperti Syaikh Tahir Jalaluddin,<sup>140</sup> Syed Syaikh al-Hādi,<sup>141</sup> Abū Bakar al-Ash‘ari,<sup>142</sup> dan diperjuangkan pula oleh Zainal Abidin b. Haji Ahmad (Za’ba)<sup>143</sup> dengan tekad memperbaharui kefahaman umat Islam terhadap agamanya, di samping menghadapi tantangan Barat. Perjuangan mereka ialah memerdekaan pemikiran umat sebagai asas kemerdekaan politik, ekonomi dan kemasyarakatan.<sup>144</sup>

Syaikh Tahir Jalaluddin yang terpengaruh oleh idea-idea Muhammad ‘Abduh hasil pergaulannya dengan Rashid Rida, dan menjadi penulis beberapa rencana dalam majallah *al-Manār* yang diterbitkan tahun 1898M<sup>145</sup> telah menerbitkan majalah *al-Imām* pada bulan Julai 1906M. Hamka mengatakan beberapa rencana Jamaluddin Afghānī dan Muhammad ‘Abduh disalin semula dan diterjemah ke dalam bahasa Melayu<sup>146</sup> di dalam majalah *al-Imām* ini.

Setelah meninggalkan pimpinan *al-Imām* kerana menjawat jawatan Mufti Perak atas permintaan Sultan, Syekh Tahir mengeluarkan fatwa-fatwa yang kontroversi dan menimbulkan perselisihan dengan ‘ulama setempat. Akhirnya kerana merasakan jawatan tersebut mengongkongnya, beliau meletakkan jawatan dan tinggal di Johor,

<sup>140</sup> Syaikh Tahir Jalaluddin dilahirkan pada 4 Ramadan 1286H., dari daerah Minangkabau Sumatera. Belajar di Makkah dan Mesir. Bersahabat baik dengan Sayyid Rashid Rida dan turut menyumbang dalam majallah *al-Manar*. Syaikh Tahir bersama Syaikh Muhammad Salim al-Kalali menerbitkan majallah *al-Imām* (1906M.). Pernah berkhidmat di Madrasah al-Mashor, Pulau Pinang bersama Syed Syaikh al-Hadi. Keterangan lanjut sila lihat: Abu Bakar Hamzah, *Al-Imām: Its Role in Malay Society 1906-1908* Universiti of Kent, 1981.

<sup>141</sup> Syed Syaikh al-Hadi dilahirkan pada tahun 1862M. Menjadi anak angkat Raja Ali Kelana dan mempunyai hubungan keluarga dengan keluarga Di Raja Riau. Belajar di Makkah dan Mesir. Banyak melibatkan diri dalam pendidikan dan penulisan. Keterangan lanjut lihat: *Ibid.*

<sup>142</sup> Abu Bakar al-Ash‘ari dilahirkan pada tahun 1904M. di Pulau Pinang. Murid daripada Syed Syaikh al-Hadi yang kemudiannya belajar ke Mesir di al-Azhar (1925M.). Menjadi guru dan Imam di Perlis. Malah atas pengaruhnya di kanunkan Undang-Undang Tubuh Negeri Perlis, bahagian 2 di bawah tajuk Agama Rasmi (1) yang digubal pada 26 Mac 1959. Keterangan lanjut lihat: Harisah binti Hasan, *Sheikh Abu Bakar Ash‘ari: Tokoh Kaum Muda Perlis*, kajian ilmiah Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1985/86.

<sup>143</sup> Zainal Abidin bin Ahmad, lebih dikenali dengan panggilan Za’ba, dilahirkan di daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada 16 September 1895. Beliau berasal dari keturunan Bugis. Pernah menjadi guru dan penterjemah, serta pensyarah Bahasa Melayu di The School of Oriental and African Studies di University of London (1947) dan Universiti Malaya.

<sup>144</sup> *Ibid.*, hlm. 103-104.

<sup>145</sup> Abu Bakar Hamzah, *Al-Imām: Its Role in Malay Society 1906-1908*, Thesis M.Phil. University of Kent, 1981, hlm. 175-176.

<sup>146</sup> Hamka, *Ajahku*, (Cet. III), Djakarta, Penerbit Djajamurni, 1963, hlm. 92-93.

menerbitkan pula majallah *al-Munir*, diterbitkan di Padang, Indonesia.<sup>147</sup>

Bersama Syed Syeikh al-Hadi, Syekh Tahir menerbit pula majalah *Saudara* (1926-1941M.) yang diterbitkan di Pulau Pinang.<sup>148</sup> Melalui *Saudara* ini Syed Syaikh al-Hadi dan Syekh Tahir membawa pembaharuan kepada sistem pelajaran Islam di Tanah Melayu dengan meminta matapelajaran bahasa Arab, Inggeris dan pelajaran moden diajarkan. Melalui *al-Imām* juga masyarakat diajak kembali kepada al-Qur'an dan al-Sunnah, berijtihad dan membuang taklid.<sup>149</sup>

Selain daripada *al-Imām*, beberapa majalah lain turut diterbitkan seperti *al-Ikhwan*, *Saudara* (1928M.) dan *al-Hikmah* (1934M.). Di Mesir anak-anak Melayu menerbitkan *Seruan al-Azhar*. Isi majalah-majalah ini adalah menyuarakan isu-isu Islam, termasuk isu politik yang lebih bebas dibicarakan oleh *Seruan-al-Azhar* kerana ia diterbitkan di luar negara.

Ketokohan Syed Syaikh al-Hadi lebih kepada ketajaman mata penanya. Beliau juga muncul sebagai tokoh pembaharuan dalam pendidikan dengan menubuhkan beberapa buah sekolah agama. Pada tahun 1908M., beliau menubuhkan sebuah sekolah agama di Singapura iaitu Madrasah al-Iqbal al-Islamiyyah, kemudian sekolah al-Hadi di Melaka tahun 1917M. Walau bagaimanapun, pada peringkat awal Madrasah al-Hadi kurang mendapat sambutan masyarakat.

Oleh kerana kurang sambutan daripada masyarakat setempat, beliau ke Pulau Pinang menubuhkan Madrasah al-Masyhur al-Islamiyyah (1918 M.).<sup>150</sup> Di sini Syed Syaikh al-Hadi mengemukakan idea-idea pembaharunya secara lebih lancar, terutama setelah kedatangan Syekh Tahir Jalaluddin.<sup>151</sup>

Antara murid Syekh Tahir Jalaluddin dan Syed Syaikh al-Hadi yang mewarisi idea pembaharuan mereka ialah Abū Bakar al-Asy'ari. Abu Bakar bersama seorang penuntut Indonesia Abdul Kahar Muzakkir dalam tahun 1930M., telah menubuhkan *al-Jam'iyyah al-Qāhirah al-Melayuwiyyah* di Mesir.

Setelah pulang ke tanahair idea-idea yang dinamik dan radikal yang dibawa oleh Abu Bakar al-Asy'ari mendapat tentangan hebat. Walau bagaimanapun,

<sup>147</sup> Hamka, *Pengaruh Muhamad 'Abduh di Indonesia*, Djakarta (Tintamas), 1961, hlm. 18-19.

<sup>148</sup> William R. Roff, *Nationalisme Melayu*, terj. Ahmad Boestamam, Kuala Lumpur; Penerbit Universiti Malaya, 1975, hlm. 78.

<sup>149</sup> *Ibid*, hlm. 72-74.

<sup>150</sup> Rahim bin Osman, "Madrasah Masyhor al-Islamiyyah" dalam *Islam di Malaysia*, Persatuan Sejarah Malaysia, t.t. hlm. 75-85.

<sup>151</sup> Abu Bakar Hamzah, *op.cit.*, hlm. 202-203.

akhirnya kegigihan beliau membawa hasil di mana ajaran beliau diterima menjadi perkara yang dikanunkan dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Perlis, bahagian 2, di bawah tajuk Agama Rasmi (1) yang digubal pada 26hb. Mei, 1959.<sup>152</sup>

## KESIMPULAN

Bab ini merumuskan pengertian ‘ulama sebagai ilmuan yang menunaikan kewajipan ilmiah yang menjadikan ilmu sebagai satu cara beribadat kepada Tuhan. Ilmu dikaitkan dengan amal (praktis). Ini bererti bahawa ‘ulama adalah pembawa perubahan melalui ilmu dan amal. Malah ‘ulama menyesuaikan ilmu dan amal dengan perkembangan semasa. Justeru ilmu adalah untuk menyelesaikan persoalan masyarakat bukannya terasing dari masyarakat.

Perubahan sosial yang dibawa ‘ulama pada zaman kegemilangannya bukan terbatas kepada menyebar luas ilmu Syariah, tetapi ilmu sains dan kemahiran seperti dicontohi oleh Imam Shafi’i. Namun, sumbangan para ‘ulama kurang berkesan apabila kebebasan intelektual telah dipolitikkan seperti berlaku ke atas Imam Ahmad Ibn Hanbal.

Dinamika akidah para ‘ulama menjadi malap apabila kemurnian ilmu Islam dinodai oleh unsur-unsur asing samada Greek, Hindu atau lainnya. Ini terbukti dalam ‘Ilm al-Kalam, Falsafah, Tasawwuf yang memaksa ia dimurnikan kembali oleh tokoh-tokoh besar seperti al-Ghazali, Ibn Taymiyyah, Shah Waliyullah al-Dihlawi, Muhammad ibn ‘Abd al-Wahhab dan lain-lain.

Di samping itu, kekejaman Tartar, kebengisan tentera Salib, dan kelemahan pemerintahan Islam seperti ‘Uthmaniyyah turut melemahkan peranan ‘ulama dalam perubahan sosial dan akhir sekali dominasi pengaruh Barat. Ertinya, kekuatan intelektualisme para ‘ulama berhubung rapat dengan kekuatan politik umat Islam. Kelemahan politik yang menimpa umat Islam turut melemahkan peranan ‘ulama dalam merubah masyarakat. Ini banyak kali terjadi dalam sejarah.

Pada zaman awal Islam, masjid Madinah dan masjid al-Azhar memancarkan pelan-pelan perubahan sosial. Apabila masjid tidak lagi berfungsi sewajarnya, suasana perubahan menjadi lesu. Satu lagi kesimpulan yang dapat dibuat, masjid yang berfungsi dengan baik bagaikan jantung yang segar kepada sebuah badan. Apabila jantung lemah, badan turut lemah, dan masjid sebagai jantung yang lemah menjadikan masyarakat terus lemah.

---

<sup>152</sup> Haron Din, “Al-Syekh Abu Bakar al-Asy’ari: Ulama Tegas dan Berani”, *Utusan Qiblat*, tahun 6, bil 72, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1976, hlm. 65.

Perubahan sosial yang amat ketara pada zaman moden ini ialah dengan kehadiran Jamāl al-Dīn al-Afghānī dan muridnya Muhammad ‘Abduh. Pengaruh mereka tersebar di Asia Barat dan membawa hingga ke Nusantara dan Semenanjung Tanah Melayu tidak terkecuali.